

Volume II
No. 36



Monday
12th December, 1960

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [3867]

THE SUPPLY (1961) BILL—

Committee of Supply (Fifth Allotted Day) [Col. 3869]

Head 15 [Col. 3869]

Heads 16 and 17 [Col. 3948]

PRINTED AT THE GOVERNMENT PRESS
BY THOR BENG CHONG, ACTING GOVERNMENT PRINTER
FEDERATION OF MALAYA

1961

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Monday, 12th December, 1960

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Internal Security, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johore Tenggara).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).

- The Honourable ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).

- The Honourable ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
 „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
 „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
 „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
 „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
 „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
 „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
 „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
 „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
 „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
 „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
 „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
 „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
 „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
 „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
 „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
 „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
 „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
 „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
 „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
 „ TENGKU INDRA PETRA IBNI SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
 „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
 „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
 „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
 „ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
 „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
 „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
 „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
 „ PUAN HAJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
 „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
 „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
 „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

The Honourable ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, Assistant Minister (Jerai).

.. ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bahru Barat).

.. ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).

But what is more important is that this vulnerability in the price of rubber is due to the fact that our country is depending almost entirely on foreign consumption of rubber. This state of affairs cannot go on. We in Malaya must set up industries whereby we can use as much of our own rubber as possible. This should be a shock absorber device, Sir, whereby, when the demand for rubber overseas may become dubious, we do not have to be afraid because we can depend on our own industries to use our own rubber. I am very sad to say that ever since the establishment of the so-called scheme for pioneer industries Sir, we do not see many factories going up in Malaya that are using rubber as raw material. In this respect, Sir, I would like to say more on sub-head 3.

Mr. Speaker: What page?

Enche' Liu Yoong Peng: Page 83, sub-head 3, Allowances for Members of the Tariff Advisory Committee and the Pioneer Status Advisory Committee, Sir. We find that there is a very sad thing going on, Sir, because under the pioneer status many of the foreign firms that put up factories in Malaya are not utilising Malayan raw materials in their factories. In fact, Sir, the Government should take the initiative, the Government should plan to set up, say, a rubber tyre factory. This matter of a rubber tyre factory is a very sad thing, Sir, for we know that there were some local businessmen who wanted to start a rubber tyre factory and the Dunlop Tyre Company also wanted to start a factory, but nothing has come out of it. This competition between the local businessmen and a foreign firm is most undesirable, because, if the Government takes the matter into its own hands and starts its own factory, shares can be bought both by local businessmen and others and the Government, too, can find means to support the scheme. So, if the Government is intent on utilising Malayan raw

In respect to the foreign factories that are being put up, I notice, for example, that the pioneer status that is being granted to the foreign firms is in fact used as a sort of import duty evasion method. For instance, there is a battery factory in Petaling Jaya which does not manufacture batteries but merely assembles the parts that are already made abroad. So, when these parts are imported into Malaya under pioneer status, they are considered as raw material and are exempted from taxation. In this way, Sir, the Malayan Government is suffering a loss. There is also the I.C.I. paints factory, for example, bringing in almost completed paints from abroad, which are considered to be raw material, and then having the paints packed or filled in Malaya for distribution. These two examples I have quoted have caused a loss to the revenue of Malaya. I can quote many more examples in this respect.

So, what I want to say now is that we cannot rely on foreign investors for the industrialisation of Malaya. What they want is their profit; what they want is to get something cheap from us and they have no intention of using our raw materials to meet the needs of our country, if it is not profitable. And in view of the fact that there are large alternative supplies of raw materials abroad, I can say that unless and until our Government puts down its foot to see that Malayan industries do use Malayan raw materials, the future of the economy of Malaya will be very gloomy indeed. So, in view of what I have said, and also because there is no such a thing as planned economy from the Government, I think our country is going to have a very uneasy future, and this, I say, is because the Ministers are incompetent, or if they think they are competent, then I would say they have lent themselves to be too easily used by foreign and private capital, especially that from abroad.

Government Rubber Replanting Scheme, item (30)—Chairman. Sebelum saya menyentoh keseluruhannya perbelanjaan di-sini saya suka hendak menyatakan sedikit dukachita saya terhadap tuduhan yang di-buat oleh sahabat saya wakil dari Rawang yang mengatakan Kementerian ini tidak bagitu chekap pada menjalankan usaha²-nya terutama sekali dalam perniagaan getah. Jikalau kita kaji betul² keseluruh dunia ini yang telah memandang kemajuan perniagaan getah di-Malaya ini sa-hingga satu masa Indonesia yang mengeluarkan bagitu banyak dalam dunia ini, tetapi Malaya telah mengatasi pengeluaran getah dan mengambil tempat yang nombor satu. Berkenaan dengan menetapkan harga, barangkali sahabat saya dari Rawang tidak membacha report dalam International Rubber Study Group. Adalah kita ini sa-orang ahli dari International Rubber Study Group ia-itu bagi pehak yang mengeluarkan getah dan banyak negeri² lain yang mengeluarkan getah yang telah mengadakan meshuarat dua tiga kali. Indonesia dan France yang telah mengemukakan the stabilisation of price tetapi dunia besar belum lagi membeli atau menerima dan dengan yang demikian kita hendak menyiasat dengan sa-benar-nya setakat mana kita hendak tetapkan harga getah itu, sebab mereka ini mengenai orang² yang berniaga dengan getah dan jikalau tidak kena pada letak-nya mungkin barangkali pada satu masa Kerajaan ini akan di-tuduh oleh ahli Bertanam Getah mengatakan menetapkan harga yang tidak sesuai dengan masa. Saya sangat dukachita berkenaan dengan hal itu.

Saya hendak membawa keseluruhan Kepala² ini ia-itu Kepala (30)-(39) perbelanjaan sa-banyak \$95,189 sunggoh pun ini ada naik lebeh kurang \$2,000 lebeh pada tahun ini, tetapi saya sangat tidak puas hati di-atas bab ini kerana bukan kapada Kementerian atau kapada Menteri tetapi di-sebaleknya kapada pejabat yang bertanggung jawab di-atas keseluruhannya bab ini. Pengerusi Government Rubber Replanting Scheme amat besar tanggung jawab-nya. Pertama dia mesti menengok kemajuan bertanam semula seluruh-nya. Kedua dia bertanggung

jawab kapada beberapa scheme. Setahu saya pada hari ini scheme yang tidak berjalan ia-lah satu scheme yang dinamakan Smallholders New Planting Scheme tahun 1957. Scheme ini tidak berjalan kerana peratoran²-nya telah terbabas di-mana kita mengeluarkan wang sa-banyak \$30 juta dalam tahun 1957 dan patut di-tanamkan 75,000 ekar. Sekarang dari tahun 1957, 1958, 1959 dan 1960 sudah 4 tahun, barangkali tidak ada suku daripada keluasan tanah itu telah di-tanam. Ini bukan-lah salah Kementerian, tetapi ada-lah atoran kerana scheme ini di-belanjakan oleh Federal dan di-serahkan kuat-kuasa-nya pada menjalankan pentadbiran kapada Negeri². Jikalau di-siasat betul² sekarang ini sudah 4 tahun lama-nya berjalan, chuma tiga atau empat buah Negeri sahaja baharu telah mengerjakan untok peruntokan masing², tetapi kebanyakan-nya Negeri² itu belum lagi mengadakan tanah untok menanam getah. Umpama-nya board ini telah memberikan kapada Selangor dan Perak sa-banyak 11,410 ekar yang tidak berjaya walau satu ekar pun. Kalau di-beri kapada Selangor sa-banyak 6,900 ekar dengan tidak berjaya saya fikir sakira-nya Negeri² yang tidak berkehendakkan bantuan yang sa-banyak \$400 satu ekar itu maka patut-lah board ini menarek balek peruntokan-nya daripada Negeri² yang tidak hendak menjayakan perkara ini dan di-beri kapada Negeri² yang berkehendakkan-nya. Negeri Pahang umpama-nya di-beri sa-banyak 11,190 ekar tetapi mendapat kejayaan sa-banyak 10,000 ekar. Maka di-sini di-mana-kah kesilapan-nya saya pun tidak tahu barangkali juga di-beri kapada Negeri yang tidak bertanggung jawab pada menggunakan peruntokan wang itu. Sunggoh pun bagitu kita ada hak menarek balek kerana Kerajaan Persekutuan yang memberi wang itu untok ra'ayat miskin.

Saya berchakap ini bukan-lah memandang kapada kerugian atau keuntongan-nya di-atas wang yang \$30 juta itu, tetapi pada hari ini kita boleh mengatakan sebok terutama sekali berhubong dengan Rancangan Luar Bandar yang hendak memajukan orang² yang miskin, hendak memberi tanah

kapada orang² miskin, hendak memberi bantuan kapada orang² miskin untuk bertanam getah. Pada hal kita sudah mulakan sejak dari tahun 1957 sehingga-lah pada hari ini dengan tidak mendapat kejayaan yang sempurna.

Saya minta kapada Yang Berhormat Menteri Perdagangan menyiasat dimana-kah kesilapan dan kelambatan pekerjaan itu di-majukan. Dan saya dapati pada muka 83, Sub-head 11. Inspection Fees (Rubber Replanting Schemes) \$22,000. Barangkali tentu-lah board ini telah mengadakan Inspector untuk melawat tempat² yang sa-umpama itu atau menasihatkan supaya m e m a j u k a n pekerjaan-nya. Tetapi sementara yang sa-umpama ini yang tidak d i - m a s o k k a n dalam board tentu-lah tidak akan dapat tanggung jawab yang sempurna. Pada fikiran saya patut di-buat perbelanjaan dibawah Permanent Establishment atau di-bawah Government Rubber Replanting Schemes di-masukkan sa-orang permanent officer yang betul² boleh pergi ka-tiap² buah negeri menasihati dan menengok chara sa-suatu negeri itu menjalankan perusahaan, jikalau tidak dapat menjalankan-nya, terek balek peruntokan itu dan di-beri kapada negeri² yang suka memajukan-nya.

Sekarang saya suka berchakap sadikit berkenaan dengan Tourist Promotion Section. Baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, saya membacha dalam surat khabar ada sa-orang officer ia-itu Che' Yang binti Dahari telah membuat pekerjaan-nya di-Pahang, ia mencheritakan keindahan di-pantai timor dan taman negara. Ia telah menyiasat satu tempat yang patut di- m a j u k a n ia-itu Tasek—kalau kita datang dari Kuala Lumpur, 35 batu lagi hendak sampai Kuantan, kita akan jumpa satu tasek yang besar. Tasek ini dudok-nya di-tepi jalan. Saya suka mengingatkan Menteri yang berkenaan jikalau sa-kira-nya Tasek ini di-baiki, barangkali boleh menarek hati, boleh di-jadikan t e m p a t bermain atu memancing. Sa-belum pelawat² sampai ka-Kuantan, mereka akan n a m p a k keindahan dan kemajuan di-sabelah timor.

Yang kedua, ia mencheritakan keindahan di-taman negara. Perkara

itu saya bersetuju. Saya selalu pergi ka-Kuala Tahan menengok binatang yang datang ka-Rest House menunjukkan diri-nya saperti gajah, seladang dan lain². Tetapi ada satu masaalah yang besar ia-itu j a l a n daripada Jerantut atau daripada Kuala Lipis hendak pergi ka-taman negara. Pada hari ini kalau sa-saorang pakai motor-boat yang tidak dapat dudok rehat pergi balek kena \$150.00. Saya ada mendengar satu chara yang b o l e h menyukakan pelawat² datang ka-sana dan belanjanya pun murah ia-itu beli Tubor jet boat saperti yang di-tunjokkan di-Selangor. Yang pertama, Tubor-jet boat ini tempat-nya rehat, kalau sa-kira-nya perjalanan itu dalam sa-hari ia hanya memakan masa 2 jam, yang kedua-nya, sungguh pun harga-nya saya dengar \$10,000 tetapi belanjanya (maintenance) sangat murah, kerana tidak memakai minyak. Oleh itu, saya suka menasihatkan, terutama sa-kali Che' Yang supaya mengemukakan perkara ini kapada Menteri yang berkenaan membeli Tubor-jet boat untuk pelawat² yang hendak melihat keadaan di-taman negara sa-belum Rural Development menyiapkan satu jalan daripada Jerantut ka-Hulu Temeleh.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, walau pun Kementerian ini menurut Menteri Yang Berhormat sadikit wang akan di-belanjakan-nya, tetapi ini ada-lah satu Kementerian yang amat besar peranan-nya. Saya hendak memulakan perchakapan saya berkenaan dengan Malay Economic Secretariat. Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita kerana dalam Estimates ini walau pun Menteri yang berkenaan telah menyatakan 'azam dan ranchangan Kerajaan bagi menjalankan Malay Economic Secretariat, tetapi apabila di-tulis dalam Estimates ini tidak di-buat satu bahagian yang tertentu, yang mempunyai peranan yang tertentu bahkan di-amanahkan kapada Secretary for Commerce and Industry dalam Item (3). Sa-patut-nya, Tuan Yang di-Pertua, soal memajukan iktisad orang Melayu dan jabatan yang berkenaan dengan itu hendak-lah di-khaskan supaya dapat-lah Kerajaan membuat ranchangan² yang terator dengan baik,

dan tidak-lah di-tompangkan dengan kerja² yang tertentu. Sebab jikalau tidak di-khaskan akan tiba masa-nya Malay Economic Secretariat ini akan hilang, dan dengan yang demikian akan hilang maksud yang hendak di-jalankan oleh Secretariat ini.

Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, soal memajukan ekonomi orang Melayu ini, yang saya perchaya Menteri yang berkenaan sama bersafahaman, bukan-lah soal yang senang bahkan soal yang besar. Yang demikian saya minta supaya di-fikirkan satu bahagian khas atau sa-orang pegawai khas sahaja untok menjalankan Secretariat ini. Tuan Yang di-Pertua, memajukan sa-suatu bangsa atau gulongan atau pun sa-suatu kumpulan manusia dalam ekonomi commerce dan industry tidak-lah dapat hanya di-jalankan dengan panduan dan nasihat, sebab faktor yang mempengaruhi perkembangan ekonomi yang dalam erti kata yang sa-benar-nya commerce dan industry orang Melayu hendak-lah di-timbangan dengan halus. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, patut-lah Secretariat ini menimbangan beberapa soal yang besar, umpama-nya soal tempat dan tapak dalam commerce. Tuan Yang di-Pertua, tapak dan tempat dalam commerce, tidak-lah boleh di-pandang kecil, sebab dalam negeri ini dengan malang-nya kita dapati di-bandar yang besar tidak ada tempat lagi bagi orang Melayu yang hendak menjalankan perdagangan sebab dengan nyata mereka tidak sanggup lagi menerima pengaruh tekanan² itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat Kuala Lumpur, Ipoh, Seremban dan beberapa tempat yang besar, nyata kepada kita bagi pedang Melayu hendak menyelitkan diri di-tengah masyarakat perdagangan itu bukan-lah mudah. Kata sa-tengah orang ada dua teori yang dengan-nya hal ini boleh di-selesaikan ia-itu orang Melayu hendaklah mula daripada bawah. Tetapi menurut apa yang saya lihat di-tepi sungai di-sebelah Parit hingga ka-Telok Anson di-Perak pedagang Melayu amat-lah banyak; ini chara mula daripada bawah. Tetapi apabila kita lihat nyata kepada kita mereka menjadi agent² bagi pedagang yang lain, yang

akhir-nya tidak-lah besar peranan perniagaan mereka, melainkan hanya sa-bagai tukang membeli dan mengator serta mengeluarkan hasil² yang di-timbulkan dari kedai orang lain, dan ini tidak menguntongkan dari per-kembangan perdagangan yang di-maksudkan.

Oleh itu pada fikiran saya mustahak-lah bagi kewajipan pedagang Melayu ini di-buat satu chara yang tertentu daripada atas hingga ka-bawah supaya dapat hal ini tidak putus dalam perdagangan.

Saya tidak fikir bahawa perdagangan satu soal kaum atau boleh kita berdagang, dengan Melayu menjual dan hanya di-beli oleh Melayu dan di-kira oleh Melayu; ini tidak-lah perekтикаl.

Tetapi kalau di-dalam perkembangan perdagangan dan perusahaan, kita hendak memberikan tempat kepada orang² Melayu ini, terpaksa-lah juga walau pun sedikit walau pun untok sa-kian waktu yang tertentu, di-berikan satu tempat yang boleh menjadi pusat bagi perkembangan perdagangan orang² Melayu di-sini. Maka di-bandar² juga ada-lah patut di-fikirkan supaya dapat hal ini di-jalankan oleh Kementerian ini.

Saya telah menyebutkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengaruh² luar bagi perkembangan perdagangan Melayu ini tidak-lah kecil. Saya ambil satu contoh ia-itu getah. Dalam Tanah Melayu ini banyak sudah walau pun tidak menchukupi tetapi banyak sudah kedai² getah yang di-jalankan di-kampung² oleh orang² Melayu. Perniagaan ini berjalan dengan baik-nya. Pada zahir-nya, ini ada-lah satu perkembangan yang memuaskan hati kita tetapi apabila kita bertemu dengan peniaga² yang ada itu, mereka menerangkan dengan jelas-nya bahawa mereka hanya-lah berlaku di-dalam perniagaan mereka ini sa-bagai orang gaji bagi pemodal² besar yang mempunyai peranan monopoli—yang mempengaruhi perniagaan mereka. Dengan yang demikian itu walau pun lama mereka itu berniaga kebolehan² dan kesanggupan mereka dalam perniagaan itu di-hapuskan.

Kelab² pembeli getah, Tuan Yang di-Pertua, ada di-dalam negeri ini tetapi

tidak boleh-lah di-nafikan bahawa kelab² ini ada dan maseh berpegang kepada chorak perkauman yang menyebabkan perkembangan perniagaan getah di-sisi orang² Melayu itu terganggu. Saya telah bersungguh² benar menanyakan kalau boleh kita masukkan ahli² dari perniagaan getah Melayu di-dalam kelab² ini tetapi mereka telah mengatakan, amat-lah payah sebab penerimaan itu tidak di-berikan dan dengan yang demikian jadi-lah mereka hanya sa-bagai ejen² bagi kemajuan perniagaan orang² lain sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita tidak ingin pada diri kita sendiri hendak membentok sa-golongan kaum modal sahaja kepada orang Melayu tetapi keinginan kita hendak memberikan lapangan perusahaan dan perniagaan bagi bangsa Melayu ini hendak-lah dilaksanakan dengan memecahkan rangkaian monopoli yang mempengaruhi pedagang² Melayu itu sendiri. Hal ini berlaku juga, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perkara² yang bersangkutan dengan pembahagian barang² yang datang dari luar seperti rokok, tembakau, barang² dalam tin dan sa-bagai-nya. Pada pendapat saya mustahak-lah supaya quota yang tentu di-berikan kepada orang Melayu supaya boleh mereka ini menjalankan perniagaan-nya dengan tidak bagitu banyak di-tekan orang² yang berlumba dengan mereka di-lapangan ini. Seperti kita katakan-lah quota distribution bagi rokok, di-berikan dengan banyak-nya kepada orang² Melayu dengan tidak di-tekan maka dapat-lah mereka ini menjalankan perniagaan ini dengan baik-nya. Ini boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-satu masa ada quota ini di-berikan tetapi kadang² hal ini tidak di-sanggupi oleh pedagang² Melayu maka ini-lah menjadi kewajiban bagi Secretariat ini memikirkan, apa-kah chara-nya yang membolehkan mereka² ini dapat menchari modal dan menjalankan pekerjaan dengan baik.

Patut juga, Tuan Yang di-Pertua, di-fikirkan oleh Kementerian ini terutama sa-kali Secretariat ini, soal latehan perniagaan dan perdagangan. Latehan perniagaan dan perdagangan pada zahir-nya boleh kita lakukan

dengan menghantar orang² Melayu itu di-dalam R.I.D.A. dan mempelajari kursus² yang tertentu. Tetapi oleh kerana perniagaan ada-lah satu perkara yang hidup dan mengalir dengan darah manusia supaya mengetahui—memahirkan diri dalam teknik-nya, saya rasa, latehan yang di-berikan itu patut-lah di-izinkan kepada bangsa Melayu, dan orang² Melayu yang hendak bekerja dalam perniagaan ini supaya mereka itu dapat di-masukkan di-dalam sharikat² asing sa-bagai orang yang mengendalikan perniagaan di-bawah panduan mereka itu. Hal ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah terlalu berat bagi bangsa² lain yang ada dalam negeri ini sebab memandang kepada hak² yang telah di-terima oleh mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang tidak boleh di-kecil²kan juga oleh Secretariat ini ia-lah soal modal. Saya belum lagi yakin bahawa bangsa Melayu itu tidak sanggup memodali perniagaan-nya yang dalam kesanggupan mereka. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa taraf dan peringkat perniagaan yang kalau hendak di-jalankan terpaksa-lah menggunakan modal-nya yang besar. Jadi, oleh sebab yang demikian, dasar Kerajaan dan Secretariat ini rasa-nya akan terlaksana-lah sa-kira-nya diperhatikan bagaimana modal ini akan dapat di-tolong pada memudahkan pinjaman bagi mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita di-Dewan ini tentu-lah sukachita kepada langkah Menteri ini hendak menjalankan ekonomi Secretariat ini. Dan saya fikir panduan² yang banyak hanya akan dapat di-jalankan dengan baik oleh Kementerian ini sa-kira-nya ada kerjasama daripada ra'ayat negeri ini yang bukan Melayu. Maka kerjasama ini-lah yang hendak ditegaskan oleh Kementerian ini dan di-fahamkan kepada orang ramai. Saya teringat pada suatu masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, R.I.D.A. ada memberi peluang kepada beberapa pemuda² Melayu untok berlatch di-dalam perkara industry—perusahaan rumah. Tetapi pada akhir-nya 6

bulan orang² Melayu itu berlateh di bawah sa-orang pelateh berjaya sebab apabila pergi sa-orang pegawai R.I.D.A. untuk menyiasat-nya didapati penuntut² itu mengangkat pasir. Di-tanyakan-lah, kenapa dia mengangkat pasir. Dia kata: "ini bahagian latehan yang pertama mempelajari angkat pasir ka-dalam lori," sedangkan yang kita hendak mempelajari ia-lah membanchoh simin dan membuat rumah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tentu-lah akan menghadapi perkara ini sa-kira-nya kesungguhan itu memang ada dan niat yang baik-nya itu subor.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang menarek perhatian kita di-sini ia-lah berkenaan dengan perkhidmatan Trade Division, Item (74) Controller, Trade Division. Patut-lah di-jadikan dasar ia-itu Controller Trade Division ini mengawal barang² yang keluar dari negeri ini. Sebab, Kementerian Pertanian umpama-nya telah menyatakan semalam kesanggupan-nya di-dalam beberapa perkara mengenai perusahaan ini dan telah pun merupakan kesanggupan mengadakan kehidupan ekonomi di-negeri ini di-dalam beberapa perkara. Tetapi sa-lagi kamasokan barang di-dalam perkembangan trade—perdagangan dalam negeri ini tidak-lah akan menguntongkan perkembangan ekonomi negeri ini. Jadi, saya harap-lah supaya Controller ini bersungguh² memelihara dan membimbingi perusahaan² dalam negeri ini. Dan dengan yang demikian terpaksa-lah kita menahan ka-masokan barang² dari luar negeri ini yang telah pun ada di-dalam negeri ini.

Di-antara perkara² yang menarek perhatian saya ia-lah Sub-head 9 berkenaan dengan Tourist Promotion. Sa-orang Ahli Yang Berhormat yang telah berchakap dahulu daripada saya telah menyatakan beberapa tempat yang patut di-jadikan perhatian. Chuma, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tentu-lah tahu bahawa Tourism ini ada-lah satu penarekan wang ringgit luar masuk ka-dalam negeri kita ini. Dan boleh-lah dipandang bahawa pelanchongan ada-lah sa-bagai satu alat di-dalam

kemajuan kewangan negeri. Jadi, jika ada usaha yang berlawanan dengan kepentingan pelanchongan ini, patut-lah usaha² itu di-nilai sama ada benar² terpaksa di-lakukan untuk kepentingan kewangan atau pun boleh di-gantikan dengan chara² yang lain.

Saya ada melihat di-beberapa tempat terutama di-Ipoh ada bukit² yang tinggi yang chantek batu-nya, apabila kita berjalan nampak-lah kapada kechante-kan alam di-situ. Tetapi malang-nya, agak saya dalam lengkungan Kementerian ini juga, batu² itu sekarang ini semua-nya telah di-pechah²kan untuk membuat jalan dan sa-bagai-nya. Amat-lah baik tujuan membuat jalan saperti itu, tetapi bagi negeri yang banyak sangat bukit atau batu tidak-lah mustahak bukit² yang di-tepi jalan yang elok yang boleh di-jadikan pemandangan yang chantek dalam negeri ini di-pechah²kan sahingga merupakan satu muka yang sudah kena chakar dengan tangan kita dan sa-bagai-nya. Maka rasa saya patut-lah bahawa preservation atau pemeliharaan bagi barang² yang chantek itu di-jadikan dasar dalam memajukan pelanchongan dalam negeri ini.

Kita ada-lah berhadapan dengan negeri² yang lain yang juga hendak menunjukkan kechante-kan-nya. Kita mengaku bahawa negeri kita ini ada-lah negeri yang lebeh chantek daripada negeri² lain dan dengan sebab itu kita berbangga, tetapi jangan-lah kita membiarkan beberapa perusahaan yang boleh menggantikan tempat yang lain untuk menchakar kechante-kan² itu bagi kepentingan-nya sahaja. Di-beberapa buah negeri ada di-buat satu kaedah dalam memelihara barang² yang chantek dalam negeri itu. Satu daripada-nya ia-lah mendaftarkan tempat² yang chantek itu dalam Jabatan Pelanchong dan di-kawal oleh jabatan itu sendiri sahingga terjamin kechante-kan itu apabila orang² datang.

Sub-head 20 ada-lah satu perkara yang bersangkutan dengan Kerajaan bagi memberi grants yang kita akan dapat balek \$680,000 dengan bayaran \$1 juta. Saya fikir bagini sahaja, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana New Villages mendapat layanan yang bagini baik sampai \$320,000 wang Kerajaan di-beri

bagi menutup kekurangan dan kerugian tempat ini. Saya harap Kementerian yang bersangkutan akan memikirkan berkenaan dengan kampung-pula supaya di-beri letrek seperti mana Ranchangan Kemajuan Luar Bandar ada mengambil tahu dalam hal ini, tetapi Kemajuan Luar Bandar di-Bachok pula sahingga hari ini tidak ada letrek. Kami telah mendapat licence untuk menjalankan kuasa letrek, tetapi tidak dapat di-jalankan kerana tidak ada modal. Maka bandar yang semacam hendak-lah di-fikirkan ia-itu oleh kerana dia tidak boleh di-masokkan dalam Ranchangan Luar Bandar maka di-beri grants kapada-nya agar dapat grants itu di-belanjakan bagi mengadakan kuasa letrek ini.

New Villages ada kepentingan-nya dan kampung pula ada kepentingannya. Maka biar-lah kedua²-nya mendapat peluang yang sama, dan di-satengah² tempat itu biar-lah kampung² di-beri lebeh sedikit.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Mr. Speaker, Sir, never in my nine years of parliamentary life have I had the misfortune of watching such a pathetic and puerile attempt, as that made by the Honourable Member for Rawang, to censure the Minister and the Assistant Minister concerned, charging both of them with incompetence and saying that they are not worth the money provided for them in the Estimates. Sir, these attacks are unwarranted and unjustified. The arguments the Honourable Member used are as incomprehensible and ridiculous as his speech was incoherent. Of all the bulls that charge into the china shop; I consider this is the wildest charge of all. (*Applause*). I do not know what yardstick the Honourable Member uses to measure the competence or the worth of the Minister and the Assistant Minister. I am sure if we are using the same yardstick in respect of the Honourable Member himself, I do not think he is worth the \$500 a month that he gets—I doubt he is worth as many cents. Sir, I credit the Socialist Front with more sense than that displayed by their Member for Rawang who, I think, is

their spokesman on this particular subject.

Sir, it is not my intention to pick up the arguments, malicious arguments, brought forward by the Honourable Member in support of his attack on the Honourable Minister. Suffice it to say that the policy that has been adopted by the Government and by the Ministers in the Ministry of Commerce and Industry has made the Federation of Malaya today a "blue chip" investment for investors throughout the world. (*Applause*). Sir, independent World Bank experts and other international experts in the field of trade, commerce and industry and economics have words of praise for the economic and commercial trading policy of the Alliance Government. I am sure my Honourable friend opposite will concede that these experts can speak with more authority on such subjects than he himself can ever hope to do, and they speak with no political bias at all. I leave it, Sir, to my Honourable colleagues the Minister and the Assistant Minister of Commerce and Industry to enlighten the Honourable Member on the subjects of synthetic rubber versus natural, or what has now been called "real rubber", and also the policy of pioneer industries and industrialisation.

Enche' Chin See Yin (Seremban Timor): Mr. Speaker, Sir, I am referring to pages 80 and 81, items 40 to 63. The amount involved is as much as \$320,000 on these two Divisions. The Ministry, no doubt, serves a purpose, but I am sure more can be done by this Ministry to encourage the setting up of more factories in the country. We are today depending mainly on rubber and tin and, perhaps, a little on timber for export to get money for our country. But surely, Sir, the Malayan products for export—apart from tin and rubber—can include bauxite, fish, meat and other Malayan foodstuffs. Therefore, I say that my reference to these two Divisions in the Ministry is a matter to be given consideration.

I have, in fact, read a report by the *Financial Times* correspondent which appears in the *Straits Times* of August 23rd, 1960, where it was stated that the

Hong Kong Government gave a very great hand in the encouragement of new factories, and, according to this Report, in the 12 years since 1948, the Colony's exports have increased from \$15 million to \$114 million. Now in that Colony today there are 1,339 factories employing nearly 2½ million workers. This country today, we all know, is depending mainly on rubber and tin. With this Ministry I am sure we can, with the help of the various State Governments, set up so many factories to produce and export these products termed as Malayan products. These experts from the Industrial Development Division and the Productivity Centre can, I think, prepare plans and advise the various State Governments to encourage the setting up of new factories by suggesting to these State Governments to provide cheap land, water and power. With that I think we can go a very long way. It was suggested by the Minister some time in June that the setting up of new factories will not be in Petaling Jaya, and the Minister has also said that his Ministry will aid the State Governments when they provide sites for development. Well, to what extent has this been pressed forward, I hope the Minister will advise us very shortly in this House. Sir, if we are going to spend \$320,000 on the Industrial Development Division and the Productivity Centre in this Ministry, I think the money will be well spent only when these experts get down to the job of assisting the State Governments in their plans and schemes for the new factories that are to be set up.

It is an admitted fact that industrialisation is the only means of providing a livelihood to the fast growing population in this country and unless this is done I do not see how we can maintain law and order. It is no good for us to have legislations, having different types of law against crime when the growing people in this country can't find employment. It is just like the hungry wolves—they will only go prowling when they go hungry—and if employment can be provided to this fast growing and increasing population, then I think we will have a very good time. I am

confident that this Ministry will get down to work soon and that the other States will follow up with the schemes proposed by them, and as the Minister has given a press statement saying that he is going to the various States to ask the State Governments to provide land, I hope he will press on with these schemes.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu²kan dan me n g u c h a p k a n tahniah serta memberi sokongan penoh atas Anggaran Perbelanjaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan bagi tahun hadapan yang dibentangkan di-Dewan ini pada hari ini. Dalam bidang usaha yang tidak di-peroleh di-masa yang lalu ia-itu tiga perkhidmatan yang baharu akan di-laksanakan oleh Kementerian ini. Yang lebeh mengembirakan dan saya bershukur ia-lah berkenaan dengan orang Melayu yang mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan yang sa-lama ini menemuï jalan yang lumpuh. Dengan ada-nya perkhidmatan yang baharu ini mereka akan bertambah lagi mengambil bahagian dalam lapangan perdagangan dan perusahaan di-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pada muka 79 berkenaan dengan Menteri dan Penolong Menteri dalam Kementerian ini. Oleh sebab memandangkan usaha yang di-tang-gongkan ka-atas Kementerian ini berat, di-adakan jawatan Penolong Menteri. Tidak-lah benar sama sa-kali apa yang telah di-tudoh oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang, konon-nya, gaji Penolong Menteri ini terlalu banyak dan kedua² Menteri ini tidak chekap. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tuduhan yang di-limpar-kan itu sa-olah² tidak gemar kepada orang Melayu mengambil bahagian atau bersaing dengan bangsa lain dalam lapangan perniagaan dalam negeri ini

Mr. Speaker: Sunggoh pun Ahli² Yang Berhormat ada privilege berchakap, tetapi kalau berchakap "out of order"—berchakap yang boleh membawa "ill-feeling" sa-olah² tidak gemar itu—saya boleh tahan—jaga sedikit.

Enche' Ahmad bin Arshad: Kalau "sa-olah² itu" tidak boleh saya terek balek

Enche' Liu Yoong Peng: On a point of order, Sir, I think what he says is irrelevant.

Mr. Speaker: Perkara itu sudah di-chakapkan oleh Menteri, jangan di-ulang lagi; chakap perkara yang lain.

Enche' Ahmad bin Arshad: Saya hendak menarek perhatian pada muka 80, ia-itu Rancangan Menanam Getah Sa-Mula. Oleh sebab saya ada mengikut kempen yang baharu diadakan pada awal bulan November yang lalu; saya nampak ada beberapa perkara yang patut di-ambil perhatian oleh Kementerian ini berhubung dengan rancangan ini. Yang pertama, bantuan yang di-beri sekarang ini sa-banyak \$600.00 itu patut di-tambah lagi \$200.00 supaya menjadi \$800.00. Yang kedua, masalah memberi baja kepada pekebun kecil. Saya harap supaya di-awasi oleh pegawai² menanam getah sa-mula ini, kerana saya dapat tahu bahawa sa-tengah² pekebun kecil ini apabila mereka dapat baja itu tidak di-taborkan-nya pada pokok itu tetapi baja itu di-jual-nya. Maka perkara ini tidak mendatangkan faedah kepada rancangan kita. Yang ketiga, berkenaan dengan benih. Saya harap Kementerian ini mengambil perhatian berhubung dengan benih yang hendak di-beri kepada pekebun kecil itu ia-itu hendak-lah sa-teraf dengan yang di-dapati oleh pekebun besar, sebab kalau sa-kira-nya benih kurang baik yang di-dapati oleh pekebun kecil, taraf kehidupannya di-masa akan datang sama juga mereka akan kena nombor dua. Yang keempat, saya hendak menarek perhatian berkenaan dengan rachun. Rachun ini ada-lah satu perkara yang mustahak, sebab jikalau sa-kira-nya pekebun kecil ini di-beri bantuan baja dan benih, tetapi kebun-nya semak, ini tidak akan mendatangkan hasil juga. Saya fikir rachun yang hendak membunuh pokok untuk menjadi baja pada tanaman pekebun kecil itu di-sertakan pemberian sabagaimana yang telah di-beri ia-itu di-beri wang dan baja-nya sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya menarek perhatian Kementerian ini ia-itu patut-lah Kerajaan berusaha mengadakan satu rancangan menanam ter balek. Maksud saya menanam ter balek ini ia-itu usaha lembaga kemajuan tanah hendak-lah di-sekalikan dan juga usaha Kerajaan pada membuat tanah dengan chara berkumpul atau beramai. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi ta'rif rancangan menanam ter balek ini ia-itu pekebun kecil yang mempunyai getah kurang daripada 5 ekar itu, mereka ini tidak berupaya hendak menanam getah sa-mula, kerana mereka ini miskin, nafkah mereka bergantung pada pokok getah tua ini.

Saya minta-lah kepada Kerajaan supaya mendaftarkan nama² mereka itu, sa-sudah di-daftarkan, daripada jumlah kawasan yang di-dapati daripada pekebun² kecil itu Kerajaan sayugia-nya membuat satu kesimpulan dari daerah itu dengan menanamkan getah-nya dan sa-telah getah-nya itu dapat hasil, maka Kerajaan boleh memerentahkan mereka itu supaya menebangkan pokok² yang telah tua itu. Jadi, di-sini saya fikir tidak patut-lah di-lengahkan lagi sebab bagi pehak mereka itu tidak berupaya menebang getah-nya kerana keadaan hidup mereka. Pada akhir-nya tentulah saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat di-ambil perhatian, mudah²an rancangan menanam getah sa-mula ini akan dapat berjalan dengan lichen dan baik.

Enche' Yong Woo Ming (Sitiawan): Mr. Speaker, Sir, regarding the Estimates of the Ministry of Commerce and Industry, I would like to say a few words of my poor comments. I believe that what I am saying is obvious—whether we live or not we have to face facts—that only through industry can we prosper, since tin deposits are dwindling, and the future of rubber is not very bright. Sir, the fact that many factories have been set up especially in Petaling Jaya is a striking testimony to prove that the Alliance Government is making every effort to industrialise our country. The Ministry of Commerce and Industry has popularised our

willingness to attract foreign investors, and I believe that the Honourable Ministers concerned—Enche' Mohamed Khir Johari and Enche' Cheah Theam Swee—are

Mr. Speaker: Order! Mention no names! (*Laughter*).

Enche' Yong Woo Ming: I am sorry. They are both very energetic, capable, young and handsome (*Laughter*), and are the right persons for the right posts. (*Laughter*). The enthusiasm of many foreign investors to participate in our industry clearly shows the political stability and the good faith they have of the Alliance Government. Thus the criticism brought forward by the Honourable Member for Rawang is unfair and uncalled for.

Sir, what can be gathered from the speech of the Honourable Member for Rawang is that he has been very pessimistic and always say die. (*Laughter*). Do you think, Honourable Members, whether we have any place for such pessimistic ideas? Definitely no. Unless we stand up and accept the challenge

Enche' Liu Yoong Peng: On a point of clarification

Mr. Speaker: (to Enche' Yong Woo Ming) Do you give way?

Enche' Yong Woo Ming: No. (*Laughter*). Unless we stand up and accept the challenge, the future holds nothing for us. Sir, I wish to appeal to the Honourable the Minister of Commerce and Industry regarding the prospect of building a Government, if not, a semi-Government canning factory for fish in Pangkor Island in the District of Dindings. It is an indisputable fact that Pangkor Island catches the most fish throughout Malaya. Though this might seem ridiculous to many, yet it is true that the biggest haul of fish usually results in a small pay for the fishermen. This is because of the fish market being flooded with too much of fish, and this has lowered the price considerably. Sir, with plenty of co-operation from the fishermen, all they lack is the Government participation both financially and

morally. So the Minister should consider setting up of a canning factory for fishes to safeguard their interests and their livelihood. If this plan is not practicable at the moment, Sir, I hope the Government will work out an alternative—for example, building a refrigerating plant to preserve the fish—since the livelihood of the fishermen and the fish merchants totalling over 13,000 in number depends upon fishing, and that indubitable fact, I believe, will over-ride every obstacle to the building of either a canning factory or a big refrigerating plant or any other available way.

Sir, many have shown interest and many have applied to the Government to set up manure factories in the Lumut area of the District of Dindings in Perak. Lumut has a natural harbour, and ships of over 10,000 tons can anchor comfortably. I hope the Government will speed up the project and consider earnestly the type of industry to be set up. I also hope the Government will place more emphasis regarding the setting up of an iron mill as recommended by the United Nations Survey Party.

Once again, I reaffirm to the Honourable Member for Rawang that both the Minister and the Assistant Minister of Commerce and Industry are responsible and capable.

I will give a treat to the Honourable Member for Rawang, "if you are so short-sighted and miserly in your thoughts, the long-cherished dream of your Party—to be elected as the Ruling Party—will go up in smoke." That is all I wish to say. (*Laughter*).

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr. Speaker, Sir, I did not intend to speak, but having heard the last Honourable Member's speech, I rise on a point of clarification, that is, to ask if that speech is going into our Hansard—and I could not understand a word of it—and if that gets into the Hansard in that way, I do not think it will be nice for the world to read.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap pendek sahaja dalam Majlis

yang berbahagia ini berhubung dengan muka 39, item (1) Minister of Commerce and Industry. Kalau pelawat² datang dari luar negeri sampai ka-ibu kota Persekutuan ini tentu sekali terkejut melihatkan kedudukan ibu kota ini kerana perusahaan dan perniagaan di-ibu kota ini di-pegang hampir oleh segulongan manusia. Kerajaan memang sedar di-atas perkara yang sedemikian ini. Kalau-lah di-biarkan perkara ini berjalan dengan berluasan atau berpanjangan maka rasa tidak puas hati akan timbul ia-itu akan mengakibatkan huru hara dalam negeri. Langkah Kerajaan yang hendak mengadakan secretariat ini untuk membantu orang² Melayu dalam lapangan perniagaan sangat-lah sesuai pada masa sekarang ini, sungguh pun pada masa yang sudah² bermacam² chara telah di-jalankan oleh Kerajaan ka-arah ini, tetapi hasil yang tepat dengan memuaskan tidak di-dapati.

Sambil berchakap dalam perkara ini saya mengambil peluang membuat bermacam² tegoran ka-atas terdiri-nya secretariat tersebut. Di-atas pengalaman yang sudah maka hendak-lah secretariat ini jangan-lah memakai banyak filing cabinet atau pun K.I.V. tray yang pada masa lampau makin timbul nampak-nya dan dengan yang demikian Kerajaan mempelawa pakar² dari luar negeri supaya menyiapkan laporan yang tertentu kerana hendak menjalankan perkara ini. Chara yang demikian itu akan mengambil masa.

Akhir-nya kita dapati pada theory-nya ada dan practice-nya akan menjadi kosong. Undang² berkenaan dengan licence dan sa-umpama-nya untuk menggalakkan orang² Melayu dalam lapangan tersebut memang bagus. Saya shorkan supaya secretariat ini untuk menjayakan orang² Melayu dalam lapangan perniagaan hendak-lah umpama-nya mesti ada orang² Melayu yang berkebolehan dan di-fikirkan betul² yang hendakkan berniaga patut-lah secretariat ini pergi bertemu dengan pejabat² yang berkenaan dan menguruskan perkara ini dengan secepat mungkin. Maka dengan ini saya dapati chara² *red tape* yang sedemikian rupa yang telah kita alami dapat di-betulkan. Bakat² perniagaan bagi orang² kita memang

banyak. Tiap² tahun beratus² atau pun beribu² pemuda kita yang lulus daripada Sekolah Pertukangan. Mereka ini ada kebolehan bagi menjalankan perniagaan dan pandai dalam segala lapangan perniagaan. Maka timbul pula orang² yang telah di-didek daripada RIDA dan juga orang² yang telah mendapat galakan dan pimpinan dari gedong² perniagaan yang bertaburan pada hari ini yang banyak ketinggalan sekarang ini supaya di-beri peluang yang sa-benar-nya mereka itu menjalankan perniagaan. Kesulitan dalam lapangan perniagaan memang banyak dan begitu juga kesulitan dalam lapangan yang lain. Ada-lah dalam hal ehwal ini memang berlawanan sangat pada masa sekarang ini, tetapi di-Persekutuan Tanah Melayu ini kita bernasib baik kerana orang² China dan orang² India memegang peranan yang penting dalam hal ehwal ekonomi yang tidak langsung ada perasaan perkauman. Mereka tidak semacam orang² Yahudi, kerana orang² Yahudi itu sangat² perkauman. Maka di-sini suka saya menyatakan bahawa orang² China dan India memang suka menggalakkan orang² Melayu, tinggal lagi terpulang kepada orang² Melayu itu menunjukkan adalah perniagaan mereka itu setanding dengan bangsa² asing.

Berkenaan dengan modal ada-lah satu kesulitan yang besar, bukan sahaja kepada orang² Melayu bahkan juga Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau pun Kerajaan mana² dunia sekali pun ada-lah berkehendakkan modal. Maka di-sini RIDA memang benarkan orang² Melayu mengambil hutang daripada Pejabat RIDA untuk menggalakkan orang² Melayu dalam lapangan perniagaan, tetapi usaha ini chuma terhad sahaja. Saya shorkan supaya Kerajaan benarkan satu bank bagi menerima grant merah—Malay reservation. Maka chagaran daripada orang² Melayu yang sungguh² betul hendak berniaga mendapatkan modal dengan secepat mungkin dalam urusan perniagaan.

Waktu Kerajaan gelisah hendak memimpin dan memberi peluang yang lebeh besar sedikit kepada orang² Melayu untuk berniaga maka timbul pula orang² atau pun segulongan

manusia yang terdiri daripada orang² Melayu juga chuba mendapatkan peluang dalam lapangan ini.

Saya anggap orang ini sa-bagai "Musang berbulu ayam". Sa-tengah daripada mereka itu telah pindah ka-ibu kota supaya mereka itu dapat berdamping dengan Menteri² dan mendapat peluang yang utama dan di-samping itu mereka mengatakan yang peluang ini di-beri kepada orang² Melayu

Mr. Speaker: Saya suka hendak mengingatkan kepada tuan bahawa ada-lah tidak 'adil membuat sa-suatu tuduhan kepada sa-orang yang tidak ada peluang menjawab atas tuduhan itu. It is not fair that you should make any charge against any outside this House as he has not the chance to reply.

Enche' Tajudin bin Ali: I am sorry, Sir. I thought it was a generalised statement and it clearly happens

Mr. Speaker: Do not proceed further on that. It is not fair.

Enche' Tajudin bin Ali: Very well, Sir. Jadi peluang yang patut di-sampai-kan kepada orang² Melayu itu yang sesungguhnya hendak menjalankan perniagaan itu telah musnah oleh golongan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di-kalangan kita telah timbul bermacam² gulongan saperti Sino-Malay dan sa-bagai-nya. Di-sini kalau boleh walau pun bukan taraf saya menasihatkan Yang Berhormat Menteri, tetapi saya suka mengemukakan shor ia-itu hendak-lah ber-hati² sa-kira-nya hendak memberi apa² layanan kepada Sino-Malay dan lain². Kerana kita telah dapati satu chontoh ia-itu satu kenderaan bas daripada Kuala Lumpur ka - K u a n t a n yang bernama Sino-Malay Express Bus; Sino-Malay ini hampir² tenggelam, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan dengan panjang dan lebar dahulu berkenaan dengan bakat² orang Melayu dalam hal perniagaan memang banyak. Saya chuma mengharap-kan bantuan yang sa-patut-nya daripada Kerajaan, maka dengan jalan itu

sadikit demi sadikit orang Melayu mesti dapat mengechap kebahagiaan yang sa-patut-nya bukan faedah mereka ini sahaja bahkan berfaedah kepada negara dan bangsa.

Enche' Tan Tye Chek (Kulim-Bandar Bahru): Mr. Speaker, Sir, I would like to draw your attention to Head 15, item (30). I wish to congratulate the Government on having set up this Scheme, the benefit of which is very clear. It has been enjoyed by all the estates, and it has put the rubber industry in a position to fight on very fair and advantageous grounds against the synthetic threat. The welfare of the smallholders in our country is very well provided for, Sir, and that they take advantage in every respect to replant up their areas; and for that matter, many of the large holdings under Fund "A" with the 21 per cent eligibility to replant up are also doing just fine. But in so far as the medium sized holdings are concerned, there is a great fear that with this 21 per cent eligibility under Fund "A" they are not enjoying that much of benefits, in as much that when the Scheme comes to an end in 1962 the 21 per cent eligibility certainly would not go that far enough to improve the position of estates in this category. So, Mr. Speaker, Sir, I wish to point out that if this Scheme for Fund "A", which expires in 1962 could be continued, if it is not feasible for all estates of large and medium holdings, it should at least be for estates of medium holdings under Fund "A". Then they can enjoy more and fuller of the benefits under the Scheme, and our forces to fight against the synthetic threat would be reinforced, because the areas under these medium holdings are mostly very old rubber and the 21 per cent eligibility would not have brought the acreage of high yielding rubber on these estates to a stage when they could be economically run when the price of rubber, as is expected, drops considerably in the future. Besides within the period of this Scheme, the position of the land-owning class in our country has changed radically. As you know, lots of estates have been fragmented and many of these new land owners do not enjoy any benefit under the Scheme, because most of these estate

fragmentators are rich people and they hold on to whatever eligibility which comes within their rights as registered participants under the Scheme, and in consequence many new owners of tractionised areas are deprived of enjoyment under the Scheme. So, for the benefit of these people, who have now a stake in the land, it will be a good thing if they be given a chance to replant up their estate as, in the meantime, they continue to contribute to our Fund without enjoyment at all. That, to my mind, is not quite fair, Sir.

Mr. Speaker, Sir, I now refer to sub-head 11. It seems to me that there is a big jump in this vote from \$5,000 to \$20,000 for Inspection Fees (Rubber Replanting Schemes). As far as I know, Sir, the inspection side under the Scheme, except for some minor complaints from the smallholders in regard to delays in inspecting their holdings when they have weeded their areas, has been very satisfactory, and I will be happy if the Minister concerned will clarify as to why there is such a big jump in this vote.

I should like to draw your attention, Sir, to sub-head 17. We have been told by the Honourable Minister of Finance that this Cess Fund will in future go to the Treasury, but I observe that we have got a vote here for \$16,000 for an item that works solely to augment the coffers of our Finance Ministry. I should like to have clarification on this.

Enche' Seah Teng Ngiab (Muar Pantai): Mr. Speaker, Sir, I wish to speak under sub-head 7, page 83. Sir, I wish to raise two points for the attention of the Honourable Minister concerned.

Point No. 1, Sir, is the sub-division of rubber estates for replanting purposes. In order to carry out replanting, Sir, it is the usual practice for co-owners of rubber estates of over 10 acres to apply to the Land Office for sub-division into small lots. As far as I know, Sir, the Land Office will not be in a position to issue new title deeds immediately; it takes two years to do so. Because of this, Sir, the Land Office will issue certificates in place of title deeds, certifying that the sub-division of an estate has been approved and

that So-and-So is the registered owner of that lot. By then, Sir, the owner will apply to the Replanting Office for replanting purposes, and it was the usual practice that the Replanting Office would accept such certificates and approval given to the owner to carry out replanting. That was in the past. But such practice has now been changed, Sir, and such certificates will not be acceptable by the Replanting Office. What the Replanting Office now demands is the new title deed, not the certificate. So, Sir, many of these smallholders in Muar have been suffering inconveniences because of this demand, and consequently there will be a delay in their replanting operation. Since the Government is always urging smallholders to carry out replanting as soon as possible, why not Government give way to the smallholders, so that they can carry out their replanting as soon as possible. So, I hope the Honourable Minister concerned will have this in mind and will consider reverting to the past practice, i.e., accepting the certificate instead of the new title deed.

Mr. Speaker, Sir, point number two I wish to raise is on the payment of replanting grants. Sir, the replanting scheme under Fund "B" now is that the Board will pay \$600 per acre for replanting, and this \$600 will be paid in six stages. The first payment, as far as I know, is \$200, but then this money will not be paid in advance. The owner has got to carry out the replanting first: he has to clear the land and he has to plant rubber and after inspection when the land is found satisfactory, then only will he receive the first payment of \$200. Sir, this also happens in Muar, where many smallholders are not in a position to carry out replanting. As we know, Sir, not everyone is rich, and not everyone can afford to pay the money and I believe—in fact, I know—that many of these smallholders are poor. They can't afford to pay out this money in advance for the replanting. It can be seen from that, that smallholders, say, with only 5 acres of rubber estate—and we know that the yield from these old trees will be very, very poor—will have, say, only one sheet of rubber a day. So, the income in a month will be less than \$100. So with the \$100 he will

find it very difficult to upkeep his family and there is no question of having any savings. So, how can you expect an estate owner like this who has not got any money at all to carry out replanting. The Government has been urging that smallholders must carry out replanting as soon as possible, but I find that for a person like this man it will not be possible to carry out replanting, unless he strikes a lottery, Sir. (*Laughter*). May I suggest, therefore, Sir, that the Government should consider giving a loan in advance of \$200 to these smallholders in order to enable them to carry out replanting. But I know Government will not believe them, because when these persons get the money they will buy new bicycles or radios. So I suggest that in giving loans to these smallholders the Government should ask them to surrender their title deeds as security, or, in the absence of a title deed, ask a reliable person to stand as guarantor for the loans. I think it will be safe enough to give these loans to the smallholders and I believe that they will carry out replanting accordingly. But then, Sir, I have got another alternative suggestion. If Government cannot trust these smallholders after giving them loans, then why not the Government give the replanting work to a contractor. I mean, the Government can make use of the replanting grant of \$600 and carry out the replanting for these smallholders. That will be safe enough for both these parties: the Government and the smallholders. So, I would request the Honourable Minister concerned to give this his due consideration in due course.

Mr. Speaker: The sitting is suspended for 15 minutes.

Sitting suspended at 11.46 a.m.

Sitting resumed at 12.05 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker in the Chair)

Debate resumed on Question:

That the sum of \$3,003,845 for Head 15 stand part of the Schedule.

Question again proposed.

Enche' Ahmad bin Haji Yusof (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan sub-head 2. Administration. Saya suka hendak menarek perhatian Kementerian yang berkenaan dengan kawalan harga padi. Pihak Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah pun menetapkan harga padi \$15.00 sa-pikul, dan ini saya menguchapkan terima kasih, kerana sangat-lah bersesuaian harga yang di-beli oleh Kerajaan itu. Chuma satu perkara yang harus diperhatikan ia-lah kita telah menetapkan harga padi \$15.00 sa-pikul, tetapi patutlah di-adakan kawalan yang kuat dan rapi supaya petani dapat menjual dengan harga \$15.00 sa-pikul. Kerana sa-panjang pengetahuan saya bahawa sa-telah Kerajaan menetapkan harga padi \$15.00 sa-pikul, tetapi boleh dikatakan kebanyakan-nya ada yang telah membeli kurang daripada \$15.00 sa-pikul, ia-itu dengan chara mereka memotong padi itu daripada 10-15 kati sa-pikul. Ini berma'ana \$15.00 sa-pikul itu bukan-lah satu pikul tetapi satu pikul 15 kati atau satu pikul 20 kati. Ini-lah perkara yang harus diambil perhatian oleh Kementerian ini supaya bila mana kita menetapkan harga \$15.00 itu hendak-lah di-adakan satu kawalan yang rapi supaya kita tidak di-sunglap atau pun di-permainkan oleh pihak pemodal. Perkara yang sa-umpama ini, Tuan Yang di-Pertua, selalu berulang, dan kalau saya tidak silap dalam bulan February musim mengetam akan berulang-lah lagi perkara yang saperti itu. Ini-lah perkara yang menjadi kerunsingan petani² di-Krian.

Yang kedua, berkenaan dengan pentadbiran (administration) ini juga ia-lah berhubung dengan kemasokan beras daripada luar negeri. Kita sangat-lah bersetuju dengan dasar Kerajaan yang telah menjalankan satu kawalan supaya beras² dari luar negeri tidak masuk dengan meluas ka-dalam negeri ini; pihak Kerajaan telah mengenakan chukai kepada beras daripada luar negeri itu dengan chukai yang menasabah. Sa-lain daripada itu, Kerajaan telah juga menetapkan satu peratoran ia-itu tiap² pembeli atau pemborong

beras dari luar itu mesti-lah membeli dua bahagian beras luar dan satu bahagian beras tempatan. Chara yang seperti ini sangat menasabah. Tetapi apa yang patut di-perhatikan oleh Kerajaan ia-lah pemodal ini telah menjalankan satu tipu muslihat yang sangat lichin, ia-itu walau pun mereka membeli dua bahagian beras luar dan satu bahagian beras dalam negeri ini, tetapi beras yang keluar dari negeri ini telah di-jual sa-mula kepada kilang padi yang kilang padi itu menjual pada Kerajaan. Mithal-nya, A kilang beras itu menjual kepada Kerajaan, dan menjual kepada pemborong, kemudian pemborong ini pula sa-bahagian daripada beras keluaran tempatan itu di-jual kepada A ia-itu penjual beras tadi daripada kilang beras ini.

Jadi, dengan satu lori atau pun satu guni, dia boleh-lah memasokkan beberapa banyak beras daripada luar negeri. Jadi, chara yang sa-umpama ini kalau kita tidak ketatkan dan menchari jalan helah-nya supaya mereka itu tidak dapat menjual beberapa banyak beras kepada pekilang² beras tempatan maka nyata-lah boleh jadi akan merosakkan perseimbangan beras keluaran tempatan ini dengan beras daripada luar negeri.

Satu perkara yang penghabisan ia-lah berhubung dengan ahli² perniagaan. Pada masa sekarang ini banyak-lah ahli² perniagaan telah menjalankan satu perjudian, sebab pun saya katakan perjudian ini, kerana mereka itu ada meletakkan barang² dan di-tikam dengan bayaran 5 sen pada satu² nombor. Barang² itu berharga \$30.00 atau \$40.00 kemudian ada pula nombor²-nya di-tetapkan di-satu² barang dan tiap² satu nombor itu di-beli dengan harga 5 sen, jadi kalau dia bernasib baik dia dapat sa-bungkus rokok atau sa-tin

Mr. Speaker: Ini di-bawah apa?

Enche' Ahmad bin Haji Yusof: Pemerintah di-minta mengawasi di-dalam chara pentadbiran.

Mr. Speaker: Kalau perjudian, itu polis punya fasal bukan-nya Majlis ini (*Ketawa*).

Enche' Ahmad bin Haji Yusof: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam hal ini,

saya fikir termasuk-lah juga di-dalam kawalan Kementerian berhubung dengan perniagaan yang di-jalankan oleh pekedai² pada masa sekarang ini. Jadi, perkara ini kalau-lah kita biarkan bererti-lah kita melateh kanak² berjudi dengan chara tidak langsung. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mendapat perhatian daripada pehak yang berkenaan.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, di-hadapan kita ada satu Kementerian yang penting erti-nya di-dalam masha-rakat sa-bagai sa-buah negara yang merdeka. Kementerian ini sa-bagaimana yang telah pun di-sebutkan oleh Menteri yang berkenaan hanya membelanjakan wang sa-banyak \$3,003,485 itu sahaja di-pandang sa-bagai satu anugerah yang tidak seimbang tetapi walau bagaimana pun dia akan bekerja bagi kepentingan perekonomian Commerce and Industry dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-kan usaha Kementerian ini di-dalam bidang usaha-nya yang sedang melancarkan suatu Secretariat berkenaan dengan perekonomian orang² Melayu. Masyarakat kita ini akan tetap pinchang dan tidak akan mempunyai perseimbangan di-antara keluarga² negara ini sendiri manakala kita dapati ada sa-golongan daripada ra'ayat negeri ini yang kaya dan sa-golongan daripada ra'ayat negeri ini yang miskin, oleh kerana kemiskinan dan kaya itu timbul kepada orang yang tidak ada perseimbangan dalam Commerce and Industry dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah pun dengar beberapa fikiran² dan pandangan² daripada anggota pehak Kerajaan sendiri yang menyatakan tidak puas hati-nya kepada perkembangan perekonomian dan perniagaan orang² Melayu dalam negeri ini. Dengan ada-nya Secretariat ini urusan khas kerana perekonomian orang² Melayu ini, kita mempunyai harapan masa yang akan datang bahawa orang Melayu-lah ketinggalan jauh di-dalam usaha perekonomian dan industry ini akan dapat di-bimbing oleh Menteri ini dan Kementerian ini supaya taraf hidup-nya sesuai dengan taraf hidup keluarga² yang lain. Di-dalam ketetapan yang di-berikan oleh sa-orang

anggota daripada Larut Utara; entah Larut Selatan tadi, telah mengatakan mengancham beberapa orang yang di-pandang-nya berbulu ayam dan juga mengancham Menteri supaya jangan ia-nya gosok. Saya rasa kechaman yang di-berikan oleh anggota Larut Utara itu sudah keterlaluan, barang-kali ada sebab² personal di-antara dia dengan beberapa orang yang lain yang ingin hendak mengisi segala kekosongan yang ada di-dalam negeri ini.

Mr. Speaker: Order, order. Saya banyak kali telah mengingatkan dalam Majlis ini, kita tidak boleh memberi salah sangka atau burok sangka kepada sa-saorang yang berchakap di-dalam Dewan ini. Banyak kali saya telah ingatkan, beri-lah awak punya fikiran atau pandangan atas perkara ini.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, usaha Secretariat yang khusus kerana perniagaan orang² Melayu ini, suatu hal yang saya patut kemukakan di-sini ia-itu keutamaan² hendak-lah di-berikan kepada orang² Melayu itu dari segi perniagaan. Sa-bagaimana yang kita dapat dalam transport mithal-nya, ada keutamaan² kepada orang² Melayu yang terutama-nya, orang² Melayu itu mendapat keutamaan itu maka sudah sa-patut-nya-lah di-dalam usaha hendak menegakkan kembali perekonomian orang² Melayu ini, keutamaan² itu hendak-lah di-berikan kepada orang² Melayu di-dalam perekonomian. Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja itu tetapi keutamaan² itu juga harus-lah di-berikan kepada contract yang hendak di-ambil orang² Melayu ia-itu contract² yang di-berikan oleh Kerajaan, tender² Kerajaan, Canteen—tempat makan yang di-buat oleh Kerajaan hendak-lah di-berikan keutamaan dahulu kepada orang Melayu. Fikiran ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan bererti bahawa kita itu hendak mengutamakan orang² Melayu sa-mata² dalam usaha ini tetapi dengan jelas dan nampak oleh kita, bahawa orang² Melayu-lah dalam negeri ini yang ketinggalan dalam soal perekonomian-nya. Orang Melayu-lah yang ketinggalan dalam soal perniagaan dan oleh yang demikian itu ada-lah adil dan sangat

bijaksana kalau sakira-nya Kementerian ini mengutamakan dalam perekonomian. Ada pun kaum yang lain di-negeri ini yang telah pun jaya dan maju sejak penjajahan lagi dalam perekonomian-nya sa-hingga kita nampak gedong² yang tinggi² dalam Ibu Kota di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini, beberapa bank² yang telah pun di-dirikan dalam negeri ini tetapi bagi orang² Melayu hanya di-berikan di-Ibu Kota ini suatu tempat yang amat mendukachitakan ia-itu di-Malay Bazar, di-mana kita melihat sa-kumpulan perniaga² Melayu kecil yang menjual songkok dan membuat baju bandong, selendang yang tidak pun mendapat perhatian yang sa-wajar-nya dari Kementerian ini. Kita berasa bangga kepada satu kelompok orang² Melayu yang berniaga di-Malay Bazar itu yang pada pen-dapat kita, mereka pada suatu masa dahulu telah kehilangan mata pen-charian oleh kerana suatu kerja yang di-buat oleh Municipal membuat jamban tarek sampai sa-tahun mereka itu tergendala perniagaan-nya. Songkok-nya tidak laku, baju-nya tidak sempurna dan perusahaan tidak dapat di-jalankan dengan baik-nya oleh kerana kerja² yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebab² ini ia-lah untok tempat bagi perniaga² Melayu yang ada di-Malay Bazar itu. Kalau kita tengok sa-imbias terpaksa kita bertanya begitu juga kalau orang luar datang di-sana terpaksa bertanya di-mana suatu tempat perniagaan orang² Melayu. Maka kepada Kementerian ini di-dalam usaha-nya mengadakan Secretariat yang khusus kerana orang Melayu, patut-lah menumpukan perhatian atas kedudukan Malay Bazar di-Kuala Lumpur ini supaya dapat dia mempunyai kedai di-Mountbatten Road mithal-nya, di-Ipoh Road atau di-Batu Road di-mana jalan² yang besar supaya orang Melayu dapat se-gandingan dengan perniaga² yang lain yang ada di-Ibu Kota Persekutuan ini. Telah berpekek, terlaung-lah mereka itu meminta kepada Kementerian ini supaya suatu tempat yang layak bagi Malay Bazar itu, suatu tempat yang baik bagi Malay Bazar itu dapat di-usahakan maka rasa saya, sampai-lah

pada saat-nya bagi Secretariat ini memberi kerja yang lebih rapat dan erat bagi membolehkan keutamaan dan membolehkan perekonomian Melayu itu sa-hingga dapat-lah kita banggakan dengan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengucapkan tahniah kepada secretariat ini kerana secretariat ada-lah urusan perniagaan orang Melayu dengan segala apa yang di-harapkan maka saya tertarik pula kepada usaha yang hendak di-jalankan oleh secretariat ini hendak-lah sa-imbang dengan kerja² yang sedang di-buat oleh Kementerian Luar Bandar. Kementerian Luar Bandar ini telah mengadakan satu operation room dengan mengadakan satu kerja pusat supaya semua Rancangan Luar Bandar dapat di-ator dengan segera-nya. Kalau sakira-nya Kementerian ini hendak mendapat kejayaan dalam usaha menolong orang² Melayu maka hendak-lah di-adakan rancangan ini sesuai dengan Rancangan Luar Bandar dengan di-adakan satu operation room dan di-mana-kah kelemahan orang² Melayu dalam hal ini, di-mana-kah kechichiran pengetahuan dan modal di-samping menyelideki sejauh mana-kah kelemahan dan kemundoran dalam usaha itu. Dengan yang demikian dapat-lah Kementerian ini mengatasi kerumitan² yang sedang di-atasi oleh peniaga² di-Luar Bandar yang berjalan dengan pesat dengan mengadakan operation room di-tiap² daerah. Maka saya berharap perekonomian orang² Melayu yang di-kekelolakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan akan dapat mengadakan operation room di-tiap² daerah dan negeri menengokan bagaimana perkembangan-nya.

Saya berbangga dengan apa yang di-katakan bahawa orang² di-pantai timur khas-nya Kelantan dan Trengganu yang orang² Melayu tidak mudor. Tiap² kali Menteri kita pergi ka-luar negeri membawa kain² songket, keris dan perusahaan perniagaan yang di-buat oleh tukang² Melayu, tetapi manakala kita pergi ka-tempat-nya sendiri menyaksikan perusahaan² tersebut maka di-dapati usaha mereka itu ada-lah "Hidup segan mati ta'

mahu". Kalau sa-kira-nya Kementerian ini dapat membesarkan usaha kerja² mereka itu atau menggalakkan mereka itu dengan menunjukkan jalan membawa dan memimpin supaya mempunyai satu dasar yang konkerit sa-hingga usaha membuat kain² songket, usaha membuat segala perusahaan tangan orang² Melayu merupakan satu usaha national sa-hingga dapat-lah kita berkata bahawa orang² kita tidak mahu ketinggalan dalam lapangan tersebut.

Demikian-lah harapan saya mudah² dengan tertuboh-nya secretariat baharu ini akan dapat memberi faedah yang banyak kepada perkembangan ekonomi orang² Melayu.

Sa-perkara lagi yang saya hendak sebutkan dalam Perdagangan dan Perusahaan ini ia-lah tentang bertanam semula getah tua orang² Melayu. Tadi telah banyak kawan² Ahli Yang Berhormat menyatakan tidak puas hati-nya dengan beberapa fikiran yang telah di-kemukakan dalam soal bertanam semula ini. Pada meshuarat belanjawan yang lalu telah juga saya kemukakan beberapa perkara yang patut di-ambil perhati oleh Kementerian ini. Kita sedang menggalakkan supaya bertanam semula getah tua di-adakan dan di-terima oleh ra'ayat seluruh-nya terutama kepada orang² Melayu yang sekarang ini hanya mempunyai getah 4-5 ekar sahaja walhal mereka terpaksa menyara'i perbelanjaan untuk keluarga dan anak²-nya yang bersekolah, tetapi kempen yang di-buat oleh Kerajaan supaya ra'ayat itu memotong getah tua-nya dan di-beri kepada mereka pertolongan dengan \$600 satu ekar. Rasa saya boleh di-terima dan patut di-tambah lagi \$200 menjadi semua-nya \$800 tetapi walau bagaimana pun dalam soal memberi bantuan kepada mereka yang mengharapkan itu rasa saya tidak-lah menjadi satu kesalahan kepada Kementerian yang berkenaan.

Pada pendapat saya kepada orang yang menjalankan terutama Pegawai Bertanam Getah Semula bagi daerah² patut-lah memberi bantuan kepada mereka itu, sebab telah terjadi beberapa hal ia-itu manakala galakan itu telah di-beri kepada orang² kampung dan

orang² kampong telah memajukan pokok² getah-nya kerana bantuan amat susah di-dapati, sebab kata-nya bantuan tidak di-beri kerana lalang terlalu banyak maka dengan sebab itu tidak di-beri bantuan. Saya rasa undang² ini di-ringankan dan di-beri fahaman kepada Pegawai Bertanam Getah Semula di-tiap² daerah bahawa dasar hendak menolong bagi pekebun² kecil jangan-lah hendak-nya sampai memotong bantuan itu sa-hingga menjadikan kebun² itu hutan semula. Oleh sebab itu saya berharap kepada Kementerian ini supaya pegawai² yang penting itu menjalankan kerja²-nya supaya mereka sambil menjadi pegawai Kerajaan maka mereka juga hendaklah menyuarakan suara ra'ayat yang susah itu, kalau sedikit salah boleh-lah di-ma'afkan untuk menebang pokok² getah tua itu agar di-beri keutamaan kepada mereka supaya mereka yang belum menebang pokok² getah tua-nya itu mendapat contoh yang lebeh baik dan mudah²an negeri lain akan dapat mengikutinya.

Demikian-lah, Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang saya kemukakan itu.

Mr. Speaker: Ahli² Yang Berhormat saya merayu kepada Majlis ini supaya Ahli² jangan mengulangkan perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli yang lain, kerana ini akan mengambil masa yang panjang. Satu daripada contoh-nya ia-lah berkenaan dengan Economic Secretariat yang boleh dikatakan tiap² Ahli berchakap berkenaan perkara itu. Jikalau di-ulang²-kan juga neschaya akan membuang masa sahaja, maka dari itu saya merayu sekali lagi kepada Ahli² Yang Berhormat, sebab nampak-nya kita sudah berjalan beberapa hari tetapi kita baharu habis Kepala 18. Semuanya ada 65 Kepala. Saya merayu supaya berchakap dengan sa-beberapa pendek yang boleh agar tiap² Ahli dapat berpeluang berchakap dalam Majlis ini.

Wan Yahaya bin Haji Wan Mohamed (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai menyambut seruan tadi pada mula-nya saya hendak berchakap beberapa fasal dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, tetapi oleh kerana kesuntukan masa

yang mungkin akan di-beri kepada orang lain maka saya chuma akan berchakap satu perkara sahaja ia-itu item (30) sampai item (39) yang berjumlah sa-banyak \$95,189 di-untukkan kepada Government Rubber Replanting Scheme. Mengikut apa yang saya tahu bahawa jawatan Chairman yang ada dalam scheme ini ada-lah terdiri daripada orang Malaya dan sudah di-Malayanised beberapa lama, tetapi apa yang mendukachitakan saya ada satu bab berhubung dengan Rubber Replanting Scheme "B". Setahu saya pegawai dalam lembaga ini maseh lagi pegawai Eropah yang mungkin juga ini menyebabkan lembab Rancangan Bertanam Getah Semula. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan supaya mengkaji semula jawatan Chief Executive Officer ini dan mudah²an dapat di-ganti dengan di-tukar sa-orang pegawai yang berchorak Malayan.

Che' Khadijah binti Mohamed Sidek (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, muka 80, item (54) Training and Investigating Officers. Saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan penyiasatan dalam usaha perusahaan Sabut Kelapa dalam negeri kita yang mana banyak kebun² kelapa yang boleh di-katakan letak-nya seluruh Persekutuan Tanah Melayu termasuk negeri Johore, Perak, Selangor dan sabagai-nya.

Walau pun sabut kelapa itu ada di-usahakan, tetapi belum berapa banyak lagi. Kalau di-usahakan oleh Kerajaan, saya rasa akan memberi penghasilan yang besar dan akan mengadakan satu perusahaan yang besar juga jikalau sa-kira-nya sabut kelapa itu di-usahakan dengan sunggoh². Mithal-nya, memberi jentera kepada orang kampong yang mempunyai kebun kelapa dengan chara bayaran beransor untuk menghanchor-kan sabut itu, dan daripada sabut itu dapat di-buat tali atau barang² yang lain atau sabut yang telah di-hanchor-kan itu di-beli oleh Kerajaan dan boleh-lah di-hantar (export) ka-luar negeri. Sa-lain daripada itu, tempurong kelapa itu juga sangat berharga, daripada tempurong itu dapat di-buat berjenis² barang perhiasan yang sekarang

berselerak. Jadi tempurong kelapa dikebun² kelapa dalam negeri ini hanya terbuang begitu sahaja. Sa-kira-nya Kementerian ini menyiasat apa barang yang boleh di-keluarkan daripada tempurong itu, maka dapat-lah di-adakan satu perusahaan juga daripada tempurong ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi saya minta di-adakan penyiasatan berkenaan dengan penyu. Penyu ini dipantai timor memang tiap² masa keluar, tetapi nampak-nya yang di-perhatikan atau pun yang di-ambil perhatian sekarang ini, ia-lah dengan menjual telornya sahaja. Kalau dapat, di-siasat bagaimana chara untuk membiakkan penyu itu, dan daripada kulit penyu ini boleh dapat bermacam² barang perhiasan yang sangat mahal harga-nya di-perbuat. Dengan itu dapat juga Tanah Melayu membanggakan penghasilan barang² yang chantek yang di-buat daripada kulit penyu. Saya lihat dipantai timor sekarang ini, pantai yang banyak penyu di-pajakkan. Dan juga kalau dapat di-siasat bukit² yang ada dalam negeri ini yang ada mempunyai batu yang mana saya dapat tahu batu itu dapat menghasilkan permata kalau di-potong. Ini satu perusahaan batu yang sangat besar sa-kira-nya di-siasat dan akan mengkayakan negeri ini.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pada muka 80 berkenaan dengan menanam getah se-mula. Perkara ini telah banyak di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Dalam soal ini saya dukachita berkenaan dengan anak getah dan baja yang di-keluarkan oleh Pejabat Menanam Semula. Orang kampung banyak mengadu ia-itu anak getah itu baka-nya tidak begitu baik yang tentulah tidak akan mengeluarkan hasil yang baik. Maka Pejabat Menanam Semula patut-lah mengeluarkan baka anak getah yang baik kepada orang yang menjalankan menanam se-mula itu. Dan begitu juga dalam soal baja, kita dapati keluaran dari pejabat ini harga-nya ada-lah mahal daripada baja yang di-dapati beli di-luar. Perkara ini patut di-kaji oleh Kementerian ini supaya baja getah menanam semula yang dijual kepada orang kampung biar-lah

dengan harga yang berpatutan sa-bagaimana yang di-jual di-luar.

Sekarang saya berpaling pada Industrial Development Division ia-itu dalam soal kilang. Pada hari ini kita nampak ia-itu Kerajaan hanya menumpukan pengeluaran getah, bijeh dan besi yang di-hantar ka-luar negeri; inilah hasil besar yang di-dapati oleh Kerajaan. Tetapi Kerajaan pada hari ini sa-patut-nya memberi galakan bagi mendirikan kilang² supaya dapat mengeluarkan hasil² saperti getah, bijeh, ikan, kayu dan buah²an bagi di-jual ka-luar negeri (export) bukan jualan mentah sahaja sa-bagaimana di-lakukan sekarang ini. Jikalau sa-kira-nya bijeh dan getah yang kita harapkan ini jatuh harga, maka harus-lah ra'ayat dalam negeri ini akan mendapat kesusahan. Tetapi kalau kita dapat mendirikan kilang² dalam negeri ini, barang² keluaran itu akan menjadi faedah kepada ra'ayat sa-lain daripada di-jualkan ka-luar negeri ini akan menjamin kehidupan ra'ayat bahkan juga dapat memberi peluang kepada anak² kita bekerja di-kilang² itu. Pandang-lah sa-bagai chontoh, Hong Kong sa-banyak 1,379 kilang telah di-dirikan dan telah mengambil pekerja² sa-banyak 2 juta lebeh. Dengan ini patut benar-lah negeri kita ini menggalakkan keluaran barang² saperti yang saya sebutkan tadi. Sa-lain daripada hasil getah dan bijeh yang di-keluarkan oleh negeri ini buah²an saperti rambutan dan lain²-nya. Saya mendapat tahu di-Saudi Arabia rambutan tin ada-lah laris di-jual dengan harga yang mahal, satu tin harga-nya \$5.00. Kalau kita dapat mengeluarkan rambutan ini dengan chara tin, tentulah rambutan dan yang lain² buah²an itu dapat di-jual ka-luar negeri. Kalau kita dapat mendirikan kilang bagi mengeluarkan rambutan dalam tin itu, kita bukan hanya dapat menjual-nya bahkan orang yang mempunyai dusun itu akan dapat menjual hasil² buah²an-nya dengan harga yang mahal. Kita dapati di-pantai timor ia-itu pada musim buah²an, oleh sebab banyak-nya buah²an saperti rambutan kadang² ta' dapat di-jual dan kadang² di-jual dengan harga sa-habis² murah. Perkara ini patut-lah mendapat perhatian daripada Kementerian.

Di-samping itu saya suka juga berchakap berkenaan dengan pekerja di-kilang² yang ada dalam negeri ini pada masa sekarang. Kerajaan telah banyak kali mengatakan ia-itu bukan hanya hendak menggalakkan orang² Melayu dalam lapangan berniaga tetapi juga menggalakkan orang² Melayu bekerja di-kilang² (factory). Maka pada hari ini masih di-dapati orang Melayu kurang bekerja di-kilang

Mr. Speaker: Perkara itu tuan boleh berchakap pada sub-head 48—Labour and Industrial Relations \$2,599,398. Bila Kementerian yang berkenaan mengemukakan-nya. Dalam Kementerian ini tidak ada kena-mengena; kita belum sampai lagi sub-head 48.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Sa-lain daripada itu, berkenaan dengan menggalakkan orang Melayu dalam lapangan perniagaan sa-bagaimana rakan saya telah menyatakan ia-itu Kerajaan akan mengadakan Secretariat untuk urusan perniagaan.

Dalam soal perdagangan, Tuan Yang di-Pertua, di-dapati ia-itu ada tiga perkara yang mudah sangat kalau Kerajaan dapat memberi peluang kepada saudagar² Melayu ia-itu pertamanya dalam jualan rokok M.T.D., Nestle's Products dan Minyak Tanah.

Kita dapati umpama-nya dalam Negri Sembilan di-Seremban ada sa-orang saudagar China yang dapat menjadi Sole Distributor atas barang² ini dan perkara sa-umpama ini apa-lah salah-nya sa-kira-nya Kerajaan dapat membuat satu peratoran atau chara quota supaya di-beri peluang kepada saudagar² Melayu dapat menjadi Agent Nestle's Products, Minyak Tanah dan Rokok. Maka dalam perkara ini kalau-lah dapat orang² Melayu kita menjalankan perniagaan seperti yang saya sebutkan tadi alang-kah baik-nya. Kalau sa-kira-nya Kerajaan hanya menggalakkan orang² Melayu dalam lapangan perniagaan dan tidak memberi peluang seperti agent² dengan di-adakan quota-nya, sudah tentu orang² Melayu akan ketinggalan juga dalam lapangan perniagaan.

Satu perkara yang saya tahu di-Pasir Mas, ada saudagar Melayu yang mempunyai modal hendak mendapatkan

Agent Minyak Tanah tetapi sunggoh pun ikhtiar² telah di-jalankan akhir-nya agent ini jatuh katangan orang asing. Maka perkara sa-umpama ini patut-lah di-beri peluang kepada anak² Melayu supaya dapat menjalankan sedikit sa-banyak perniagaan. Kalau hanya menggalakkan orang² Melayu berniaga tetapi peluang² seperti ini tidak di-berikan bagaimana-kah orang Melayu hendak maju dalam perniagaan?

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu perkara kain songkit. Di-pantai timor termashhor menenun kain songkit yang di-jual di-merata Tanah Melayu ini. Tetapi kita masih dapati kain² songkit yang di-bawa ka-negeri ini dari negeri Jepun maka ini kalau tidak di-kawal oleh Kerajaan maka harus-lah larisannya menjual kain songkit itu akan terbatas. Dalam perkara ini saya harap-lah Menteri kita supaya dapat memberikan pandangan yang berat dalam memberi peluang² kepada orang Melayu dalam lapangan perniagaan dan juga galakan mendirikan kilang² supaya ra'ayat dapat bekerja. Dan perlindungan atau kawalan di-beri oleh Kerajaan bagi perusahaan² orang² Melayu sa-bagaimana yang saya telah sebutkan tadi.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, perkara perusahaan di-dalam negeri ini ada satu bahan yang nampak-nya terlalu mahal di-jual kalau dapat di-adakan ia-itu daripada kulit kerbau, lembu dan lain² kulit seperti di-buatkan beg yang chantek², di-warna warnikan sa-bagaimana yang di-usahakan di-Indonesia.

Lagi satu ia-lah daripada bulu ekor lembu boleh di-buat berus gigi. Perusahaan sa-macam ini, nanti kalau di-besarkan, di-adakan kilang-nya tentu-lah jadi satu perniagaan yang betul² boleh memperkayakan negeri dan juga boleh memashhorkan perbuatan anak negeri ini. Dahulu, sa-belum perang, ada orang² membuat berus gigi di-buat daripada ekor lembu ia-itu di-bawa dari negeri Jepun dan di-jual di-negeri kita ini; orang² kita pun ada membuat-nya. Kenapa-kah tidak boleh kita membuat-nya dalam negeri kita ini. Juga daripada kulit² lain seperti kulit lembu, kerbau, harimau dan

entah apa² lagi kulit binatang² dalam hutan itu, boleh di-buat beg. Di-Indonesia nampak-nya mereka ada membuat *research* dan orang²-nya bekerja dalam hal itu sangat halus. Saya rasa, kalau Kementerian kita berusaha dalam perkara perniagaan sa-macam ini, negeri kita ini akan kaya dan satu bahan pun tidak akan hilang sa-lain daripada kulit sabut tadi. (*Ketawa*).

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, muka 79, Item (1) dan (2) Minister of Commerce and Industry. Saya suka-lah juga membawa satu perhatian kepada Kementerian ini kerana Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini ada-lah bergantung kepada perniagaan dari luar negeri dan juga barang² kita di-bawa keluar negeri. Tetapi apa yang belum lagi saya dapati ada-lah berkenaan dengan penubohan s h a r i k a t perkapalan sa-bagaimana di-tubuhkan di-negeri² yang maju. Baharu² ini saya dapat tahu bahawa satu kumpulan yang chuba hendak menubuhkan sharikat perkapalan yang bernama Jerman Malay Shipping Company. Jadi saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan memberi penjelasan ada-kah Kerajaan chita² hendak menggalakkan modal² tempatan masuk dalam sharikat perkapalan ini.

Another observation I would like to make is in regard to the appointment of agents or contractors for replanting materials. I believe smallholders, who through their experience have gained a good knowledge, are also capable of looking after their own direct interest. Secondly, monopoly will lead to scandal and malpractices. Thirdly, there are even circumstances when one cannot obtain the supply of replanting materials from the agent or contractor himself, because he is not allowed to make the purchase outside from anywhere else; and so he has to obtain replanting material from the agent or the contractor, and in case it is out of

stock then he will have to make use of random replanting material which will prove to be out of date and of no use. So, I urge, Sir, that the nature of appointment of these agents or contractors should be abolished.

The Minister of Internal Security (Dato' Dr. Ismail): Mr. Speaker, Sir, I would just like to make a short intervention in this debate, and that is to reply to the speech made by the Honourable Member for Tanjong. He used very strong terms in criticising Government policy on Malay participation in industry. He has called the Government policy of trying to help Malay participation in industry as "paying lip service." Sir, it would be more appropriate to attribute to him as paying lip service to socialism. I say that because socialism can only thrive in a parliamentary democracy; and yet have we heard him condemning those Communists who tried to destroy this parliamentary democracy where socialism can exist? We have never heard him saying that, and I would go on further and say that he is not only paying lip service to socialism, but also that he is too blind to see the achievements of Government.

Enche' V. David: Mr. Speaker, Sir, on a point of order—S.O. 36 (1), are we debating socialism now?

Mr. Speaker: We are not debating the subject of socialism. He is replying to the remarks made by the Honourable Member for Tanjong.

Enche' V. David: He is making a personal attack.

Mr. Speaker: He is not.

Dato' Dr. Ismail: Mr. Speaker, Sir, I do not know whether the Honourable Member for Bungsar was in the House when his colleague spoke. If he had, he would have understood why I have to reply to that Honourable Member's attack on the Alliance Government's policy. If you are prepared to give, you must also be prepared to take. (*Applause*).

Enche' V. David: I did not say that we were not prepared to take.

Dato' Dr. Ismail: Sir, I was saying that the Honourable Member for

Tanjong is too blind to see the achievements of the Alliance Government in this question of Malay participation in industry.

Sir, let us look at one of the biggest industries in this country—the rubber industry. What have we heard in this House, not only in this session but in the previous session, of how the Alliance Government is giving out land to the poor Malays, the poor Chinese and the poor Indians in the rural areas in order to raise their standard of living? You have heard, I am sure, of how by this Land Development Scheme the income of the rural dweller will be raised from its present rate of \$50 a year to \$400 a month. Can you say that this Scheme of the Government of helping the rural people to raise their standard of living is only helping the chosen few capitalists? Those words were used by the Member for Tanjong. He has accused this Government of helping only a few Malays to get into commerce and industry.

Again, let us look at the Alliance Government's achievement in Kelantan in connection with the N.E.T.S. Bus Company. If the Government had not stepped in, that bus company totally owned by the Malays would have been lost to the Malays. Now, can you call that as an example of Government indifference in trying to help the Malays to participate in industry?

Let us come nearer Kuala Lumpur. Look at the Sri Jaya Transport Company. Is not that the work of the Alliance Government? Is it not helping the Malays to get into this important industry—the transport industry?

Sir, I am glad at least the Honourable Member for Tanjong has taken heed of my warning—that if he wants to have his Party policy implemented, let that Party come into power first—because this year he has deviated somewhat from his policy of nationalisation. He has called on the Government to set up certain industries so that Malays can buy shares in them. Sir, the Alliance Government is conscious of the fact that we want

Malays, not only Malays but also others, to have the opportunity of buying shares not only in industry but also in other businesses. If the Honourable Member for Tanjong had not closed his ears to the words of the Minister of Finance, he would have heard how the Minister of Finance tried to set up a stock exchange in the Federation with a view to helping the people in this country, the poor people in this country, to buy shares in the company.

The Honourable Member for Tanjong wanted the Government to run certain industries. We, in the Alliance, feel that we should encourage that special characteristic of the Malays, and that is their independent spirit which refuses to be directed, and that is why, I think, the Malays form the bulwark against Communism in this country (*Applause*). We want to encourage the special Malay quality, this individualistic quality, in the Malays so that they can run their own businesses without Government interference. What we want to do is to give them a helping hand, to give them the opportunity. If the Honourable Member for Tanjong is not so blind, he would see that in the big business firms now, there are Malay executives where there was none before Independence. With the growing numbers of Malay executives in big businesses, I am quite sure that in the future when the Malays start their own businesses, they will succeed, for then they will have men experienced to run their businesses. After all, capital is not only cash—experience and technology are other forms of capital—and the Malays need all these.

I am glad to see that the Honourable Member was very generous in telling that the Malays need not worry for not having capital, for I am quite sure he must have remembered that other people came to this country penniless and become millionaires, but the Malays because of the colonial policy had been protected and had been segregated from the economics of this country.

It is the policy of this Government, in spite of what the Honourable Member for Tanjong says, to introduce Malays into industry, to redress the imbalance, to narrow the handicap between the Malays and the other races. It is only when we have narrowed down this handicap, this imbalance, can we say that everyone in this country has equal opportunities. It is, I say, paying lip service to the Malays when you say that you must have equality in this country, for there is no such thing as equal opportunity when the Malays are so heavily handicapped that they cannot make use of those opportunities.

Sir, I am sorry that the Honourable Member for Tanjong is not here, as I would like him to hear my words so that he would be a better man for having understood the Alliance policy on this question of participation by the Malays in commerce and industry. (*Applause*).

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr. Speaker, Sir, I wish to reply to the remark just made by the Minister of Internal Security.

Mr. Speaker: Provided it is not too long. We have been quite long on this Head.

Enche' Liu Yoong Peng: I shall be very brief, Sir. Mr. Speaker, Sir, I think the Minister is being very misleading in criticising my colleague the Member for Tanjong. We know very well that there are rich Malays, that there are poor Chinese, but to talk of the richness or poverty of the people of this country in terms of racial differences is, I think, not good for the harmony of this country. We must think in terms of the poor people and the rich people, then we can solve the problem more equitably.

I wish also to point out some of the misleading remarks made by some Members regarding the rubber industry. I have pointed out that the danger in rubber lies in the instability of the price of rubber, but many Members seem to be quite complacent, hiding themselves under the shield that there is now this rubber replanting scheme with high-yielding rubber.

Nonetheless, we know that the percentage of demand of the so-called real rubber is increasing, but the percentage of demand in the world market is decreasing, and no matter how well we can produce our quantity of rubber per acre, we would have to face the fact that as the percentage of demand decreases, the price of rubber and the demand for rubber will also suffer in the long run. I hope that the Minister will not find that we have misunderstood this part regarding rubber. It is not so much the yield of rubber that is under challenge, but, rather, the price.

Enche' Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab kepada perkara² yang telah di-bangkitkan tadi tetapi saya akan jawabkan perkara² yang di-bangkitkan oleh pehak Socialist Front penghabisan sa-kali kerana mereka itu kata dalam bahasa Inggeris: "birds of the same feather and also of the same colour", biarlah saya longgokkan sa-kali pada penghabisan nanti. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada banyak Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi beberapa shor berkenaan dengan bagaimana hendak Secretariat yang akan di-dirikan itu di-majukan bagi mencapai maksud² yang kita hendak dirikan Secretariat itu. Di-atas nasehat² atau pendapat daripada Ahli Yang Berhormat itu, saya mengemukakan berbilang terima kasih dan sa-berapa daya-nya bolehlah di-jadikan Secretariat itu sa-bagai satu tempat yang pertama bagi memajukan orang² Melayu dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Ada satu shor yang mengatakan ia-itu patut kita besarkan Secretariat itu. Bagi pehak diri saya sendiri, saya berpendapat bahawa dalam apa perkara yang kita hendak buat baiklah kita mulakan dari mula, dengan jalan yang modes—yang kecil, mudah²an benda yang kecil itu, jika kita pelihara dengan baik ia akan tumbuh dengan besar dan lebeh berguna kepada kita sakalian.

Satu perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ia-lah berkenaan dengan chadangan saya hendak mengadakan satu gabungan

atau federation bagi dewan² perniagaan dalam negeri ini, ia meminta penjelasan sa-takat mana perkara ini telah berjalan. Saya hendak memberi penjelasan kapada-nya bahawa saya harap perkara itu akan mula berjalan dari awal tahun hadapan. Walau pun saya akan dapat tentangan tetapi saya perchaya tentangan itu untuk sementara sahaja kerana kerja gabungan bagi dewan² perniagaan itu ia-lah sa-mata² hendak menyesuaikan gabungan itu dengan keadaan perniagaan dan dengan keadaan negeri dari segi politik pada hari ini.

Berkenaan dengan jawatan² kuasa yang akan di-lantek bagi memberi nasehat kapada diri saya sendiri dan juga kapada Kerajaan 'am-nya bagaimana hendak menjalankan dasar bagi memajukan orang Melayu dalam perusahaan dan perdagangan sa-bagaimana saya telah umumkan dalam surat khabar dua tiga bulan dahulu, Kerajaan akan melantek satu jawatan kuasa Co-ordinating Committee, yang terkandung di-dalam-nya semua pegawai² yang terkanan sa-kali dalam Kementerian² yang bersangkutan dengan kemajuan orang² Melayu dalam perdagangan dan perusahaan. Di-samping itu kita akan adakan sa-buah jawatan kuasa lagi dalam mana saya sendiri menjadi pengerusi-nya. Dan dalam jawatan kuasa itu akan di-pelawa pakar² dan juga ahli² yang ternama daripada perusahaan dan perdagangan dalam negeri kita ini untuk memberi nasehat kapada Kerajaan bagaimana-kah dengan baik-nya kita dapat menjalankan dasar yang telah di-umumkan oleh Kerajaan itu. Saya yakin bahawa sungguh pun perkara ini akan mengambil masa yang panjang tetapi kita akan mengambil satu jalan yang sehat, yang baik dan sempurna bagi maksud yang baik ini.

Sa-lain daripada itu ada banyak lagi Ahli² Yang Berhormat yang bangkitkan perkara sungutan² berkenaan dengan bantuan yang di-berikan bagi menanam getah sa-mula. Ada chadangan yang mengatakan bahawa wang sa-banyak \$600.00 itu tidak menchukupi dan patut di-berikan sa-hingga \$800.00. Chadangan sa-macam ini saya patut memberi tahu Ahli² Yang

Berhormat, mula² sa-kali saya-lah patut bersetuju. Jika sa-kira-nya apa juga tujuan hendak memberi kesenangan kepada pekebun² kecil yang berharap sa-mata² kapada kebun getah mereka itu saya sendiri akan memberi persetujuan. Saya sendiri minta kapada pehak Lembaga pekebun² kecil mengambil siasatan tentang hal ini—tentang mana kesulitan² pekebun² kecil itu, soal kewangan-kah, soal bantuan bagi replanting material dan lain² supaya dari satu masa ka-satu masa pehak saya boleh menolong bagi memberi kesenangan kapada mereka yang bergantung kapada kebun² kecil itu. Di-atas segala shor ini, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh dan saya akan selidek dan saya akan mengambil tindakan yang sesuai bagi maksud² yang tuan² berikan itu.

Berkenaan dengan pelancong atau tourist seperti yang di-shorkan sa-malam supaya Kerajaan memajukan tempat² itu seperti negeri Pahang ia-itu sa-buah tasek dekat Kuantan. Shor ini di-datangkan oleh Ahli dari Lipis.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada mendatangkan pandangan supaya Kerajaan mengambil perhatian tentang bukit² yang chantek yang di-robohkan untuk mengambil batu dan sa-bagai-nya. Di-atas shor-nya itu saya uchapkan berbanyak terima kaseh dan memang bagi pehak Kerajaan akan meminta sa-orang penasihat dari United Nations seperti mana yang saya sebutkan dalam ucapan saya untuk memberi nasihat bagaimana-kah boleh kita dapat mengadakan undang² untuk menjaga keselamatan benda² atau pun seperti mana yang di-sebutkan-nya bukit, tasek dan lain².

Ahli Yang Berhormat dari Lipis ada mendatangkan satu shor supaya diadakan satu turbo-jet boat supaya senang kapada orang² pelancong yang hendak pergi ka-Taman Negara. Itu ada dua pandangan yang patut kita ambil. Kadang² pelancong² itu suka mengambil masa, mithal-nya orang yang hendak pergi honeymoon. Dia suka mengambil masa yang lebeh. Dia tidak suka pergi chepat. Jadi ada dua belah pehak yang mesti kita lihat. Bagi pehak Kerajaan mesti-lah mengadakan satu landing strip supaya

dapat sesiapa yang tidak tahan bolehlah pergi dengan menggunakan jet-boat itu dan siapa yang pergi lambat boleh-lah pergi dengan slow boat. Maka di-atas pandangan-nya itu saya uchapkan terima kaseh.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menyebutkan berkenaan dengan club seperti club taukeh² getah yang tidak membenarkan orang² Melayu masok menjadi ahli-nya. Saya suka menegaskan di-sini jikalau ada club yang semacam itu yang tidak membenarkan orang² Melayu menjadi ahlinya tolong-lah beritahu saya. Saya perchaya jikalau saya berchakap dengan mereka itu mereka akan memberi kerjasama dengan Kerajaan dan juga mereka akan menerima orang² Melayu bagi mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan getah.

Tentang lain² chadangan berkenaan dengan lathan kapada orang² Melayu dan juga membuka atau meluaskan peluang kapada orang² Melayu maka semua-nya itu saya uchapkan terima kaseh dan saya akan jalankan, tetapi satu perkara yang saya suka hendak sebutkan di-sini berkenaan dengan *quota* bagi barang² yang akan masok ka-negeri kita ini. Itu tidak dapat kita buat bagini, sebab kita ia-lah ahli GATT, satu badan international dan terpaksa kita menghormati sharat² yang kita telah menjadi ahli GATT itu. Tetapi dalam pada itu pun seperti mana yang tuan² tahu bahawa Kerajaan memang mengambil tindakan seperti menaikan chukai baharu² ini untuk menjaga segala perusahaan² yang kita perchaya boleh memajukan dalam negeri kita ini.

Tentang bekalan letrek kapada kampong² yang patut di-tolong oleh Kerajaan—memang pada hari ini pun Kerajaan memberi pertolongan, bukan sahaja kapada Kampong Baharu atau New Village tetapi juga kapada kampong lama yang mana Kerajaan akan memberi *subsidy* bagi mengadakan letrek itu. Di-Pulau Pinang umpamanya baharu² ini Kerajaan-nya telah mengadakan satu peruntokan perbelanjaan bagi mengadakan *subsidy* untuk mengadakan bekalan letrek di-Pulau Pinang dan juga luar bandar,

dan kalau kita tengok dalam masa satu atau dua tahun lagi barangkali tidak ada sa-buah kampong pun dalam Pulau Pinang yang tidak ada bekalan letrek.

Saya perchaya dengan kerjasama dari pehak Kerajaan² Negeri maka dapat kita menjalankan dasar kita bagi mengadakan bekalan letrek di-seluruh Persekutuan.

Kemudian ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyebutkan berkenaan dengan rachun beneh dan chara Kerajaan memberi beneh² itu. Semua-nya itu saya akan ambil ingatan dan saya akan selidek setakat mana yang boleh di-jalankan.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan harga padi. Dia menguchapkan tahniah kapada Kerajaan di-atas harga yang baik \$15 satu pikul yang telah di-tetapkan oleh Kerajaan, tetapi dia minta supaya soal menjual padi dari orang² kampong terutama pak² tani kapada kilang² itu patut di-selideki lagi. Saya setuju memang ada berlaku perkara yang di-sebutkan itu, tetapi dalam perkara ini kita berkehendakkan satu organisation atau satu chara yang baharu saperti mana yang di-sebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Pertanian ia-itu dengan chara kita mengadakan pasaran sechara Sharikat Kerjasama. Dengan ini baharulah dapat kita melarikan diri daripada tipu muslihat yang di-jalankan oleh mereka itu, tetapi bagi pehak Kerajaan setakat itu-lah yang boleh kita buat bagi sementara ini. Jikalau sakira-nya pak² tani dapat menghantar padi yang kering kapada pintu kilang Kerajaan maka kita akan membeli kapada-nya dengan harga \$15 satu pikul. Memang kita adakan tolak sedikit sa-banyak jika sakira-nya padi itu basah atau menunjokan padi itu tidak saperti mana yang kita kehendaki, tetapi saya perchaya dan saya yakin yang perkara ini akan mendapat kerjasama daripada rakan saya Yang Berhormat Menteri Pertanian terhadap memperbaiki keadaan pasaran padi itu dari satu masa ka-satu masa.

Berkenaan dengan kemasokan beras dari luar negeri hal ini Kerajaan kita

tidak ada sekatan apa² melainkan sharat-nya jikalau sa-saorang itu hendak membawa masok beras dari luar negeri kalau dia berjaya masok dua ton dia kena beli satu daripada Kerajaan. Dengan jalan ini kita dapat menjalankan dasar kita memberi pertolongan kapada petani² kita sa-banyak \$15 satu pikul padi.

Kemudian Ahli Yang Berhormat itu menyebutkan berkenaan dengan galakan yang patut kita beri terutama di-ibu kota Kuala Lumpur bagi memajukan orang² Melayu umpama-nya Malay Bazaar yang sangat kotor itu patut kita perbaiki. Itu saya bersetuju dan saya suka mengumumkan bahawa perkara ini memang sedang di-urus dengan pehak RIDA dan insha' Allah kalau di-panjangkan umur dalam masa 1-2 tahun lagi dapat kita mengadakan satu bazaar yang modern di-Batu Road, Kuala Lumpur yang di-khaskan untuk orang² Melayu. (*Tepok*).

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ada mendatangkan pandangan berkenaan dengan Ketua Pegawai Bertanam Getah Semula—Chief Executive Officer Fund "B" yang menguruskan hal tanam semula pekebun² kecil yang mana patut kita mengadakan dari anak negeri untuk menjalankan Rancangan Bertanam Getah Semula. Saya bersetuju dalam perkara ini insha' Allah saya akan mengambil tindakan supaya dengan chepat dapat kita mengadakan pegawai kita sendiri untuk menjalankan pekerjaan itu. Tentang perkara² lain saperti mana yang di-uchapkan oleh Ahli dari Dungun dan Pontian Selatan yang telah mengeshorkan supaya kita gunakan kelapa kering sabut tempurong dan sabagai-nya maka ini juga saya akan uruskan dengan pehak RIDA dan memang kita bekerjasama dengan rapi dalam hal perusahaan² kecil saperti ini. Saya perchaya dasar RIDA yang baharu ini dapat kita mengadakan perusahaan² saperti mana yang di-sebutkan oleh Ahli² itu tadi.

Tentang perusahaan² lain ada juga Ahli Yang Berhormat itu memberi shor supaya kita mengadakan kilang yang dapat menggunakan raw material atau pun benda yang di-keluarkan oleh negeri kita sendiri, umpama-nya bijih

timah yang boleh kita gunakan dalam perusahaan negeri kita sendiri. Saya sangat setuju dengan dasar itu dan memang pada hari ini pun saya memberi keutamaan mana² juga perusahaan yang hendak di-dirikan di-sini yang menggunakan raw material atau benda² yang boleh di-dapati di-sini.

Mithal-nya, jikalau ada dua permintaan yang hendak membuka kilang, satu kilang itu menggunakan ubi kayu dan yang satu lagi tepong yang di-dapati dari luar negeri sa-bagai raw material yang di-gunakan dalam kilang itu, saya akan memberi keutamaan kepada perusahaan yang menggunakan ubi kayu, sebab kita menggalakkan perusahaan yang saperti itu. Bukan sahaja perusahaan itu dapat berkembang tetapi juga orang kampung dapat menanam ubi kayu dan dapat menjual kepada perusahaan itu.

Berkenaan dengan pekerja² orang Melayu di-kilang², saya suka memberi tahu Ahli² Yang Berhormat ia-itu pada hari ini saya memang menjalankan dasar bagi menggalakkan orang Melayu belajar, berlateh dan juga bekerja didalam kilang². Dan sungguh pun kita tidak ada undang² dalam hal itu, saya suka mema'alumkan kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa dasar itu sudah pun menunjokkan bunga² yang baik bagi kita sakalian. Dan berkenaan dengan permintaan hendak menjadi agent rokok, minyak kelapa dan minyak tanah, perkara ini susah sadikit saya hendak memberi tahu kepada Ahli² Yang Berhormat walau pun saya banyak mendapat surat yang meminta menjadi agent itu, saya uruskan sa-takat yang boleh, kalau 10 permintaan itu barangkali 5-6 dapatlah saya uruskan, tidak-lah 100 peratus, tetapi saya perchaya dari satu masa ka-satu masa kita akan dapat jayakan dengan sa-penoh-nya.

Berkenaan dengan sharikat kapal yang di-chadangkan itu, perkara ini memang di-ambil perhatian yang berat oleh saya dan rakan saya Yang Berhormat Menteri Kenderaan, dan kita berharap sharikat kapal kebangsaan itu akan dapat di-tubuhkan dengan sa-berapa chepat yang boleh.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat telah menchadangkan supaya kita mengadakan tempat tanam²an (emporium) untok menjual barang² yang di-keluarkan daripada kampung. Perkara ini memang dalam rancangan RIDA untok mengadakan perkara itu. Saya telah pun berbincang dengan panjang dengan pehak Pengurusi RIDA. Ia sendiri telah melawat India. Apa yang telah di-buat di-India itu kita akan buat di-sini untok memberi peluang kepada mereka membuat barang² yang di-kampung itu dan dapat menjual barang² mereka itu dengan senang.

Sa-perkara lagi, saya suka menyebutkan kepada sa-orang Ahli Yang Berhormat yang bertanya kenapa kita tidak adakan satu vote bagi membantu penanam padi saperti yang kita adakan pada tahun yang lepas. Sebab-nya ia-lah kita tidak menerima apa² chadangan daripada Kerajaan yang berkenaan supaya Kerajaan Persekutuan memberi pertolongan. Tetapi jikalau sa-kira-nya ada apa² rancangan yang sesuai, Kerajaan Persekutuan akan datang balek ka-Dewan ini minta Supplementary Vote bagi membantu penanam² padi itu.

Now, Sir, I will tackle the rest of the comments in English. One Honourable Member has complained that our Tourist Promotion Section has not done enough as far as publicity is concerned. I can assure the Honourable Member that although this Tourist Section is a very small one, it has indeed been very active, and from the results I have seen, I can tell the House that our Tourist Section has done wonderful work; and as a result of the publicity that we conducted throughout the world, particularly in America where they have got so much money to spend, we have got good results in that the number of tourists into Malaya has increased considerably, and if you go to Hotel Merlin, for example, you will find that at least 80 per cent, at any time, of tourists do come from all over the world. This is as a result of the propaganda that has been carried out by our Tourist Section.

With regard to the assistance to voluntary tourist organisations in this country, provision has, in fact, been

made in the present Estimates, and I would like to say that it is our policy, as far as possible, to encourage the growth of voluntary tourist organisations, and that the Government is prepared to subsidise those organisations.

The same Honourable Member also proposed that there should be set up a national net-work of transportation service for the benefit of tourists coming into our country. On the part of the Government, I think the Government would welcome such projects from private people.

One Honourable Member questioned the success of our industrialisation programme. He quoted the case of Hong Kong which has produced, according to him, about 1,600 factories. Well, he cannot compare the conditions in Hong Kong with those prevailing in this country. Industrialisation in our country has only begun two years ago, and it is quite a new thing to us. But even in this short space of time we have managed to bring in at least 59 new industries into our country, and I think comparatively it is not a bad job at all. In Hong Kong it has taken twelve years for them to make the progress that we can see now, but as far as we are concerned, we have done it within a space of only two years, and also we started almost from scratch.

The same Honourable Member asks also how far have we gone into the question of providing industrial sites for industries in the various States. I can tell the House that so far we have managed to get the co-operation of three States, and these three States have approached us with regard to the opening of industrial sites—the States are Perak, Penang and Johore. I am confident that as time goes on more and more States will come to us to seek our assistance in creating more industrial sites in the various States. As far as we are concerned, we would like to spread out our industries into various parts of the country, particularly in those places where we find a lot of youths without any employment.

Sir, I think, one Honourable Member has raised the question of the setting

up of an Institute of Standards in our country for goods manufactured here. I can tell the House that about a year back, I think, we got the services of one United Nations expert, Dr. Jordan, who came to investigate ways and means as to how we could make progress in our industrialisation programme, and one of his recommendations is that the Government should set up an Institute of Standards so that the quality of the goods manufactured in this country will be maintained at all times. His report is at present awaiting Cabinet's consideration and I can assure the House that as far as I am concerned, this proposal will have my sympathetic consideration and support.

There were some proposals raised by Honourable Members which I would not deal with individually, but I would like to say to the Honourable Members concerned that after the meeting I shall try to make them happy by meeting their wishes as far as possible.

Sir, I would particularly like to thank the Honourable Member for Sitiawan, although the Honourable Member for Ipoh suggested that a part of his speech be left out of the "Hansard". I hope that part of the speech where he said I was handsome should not be deleted in any case. *(Laughter)*. I am sure, Sir, that if the Honourable Member for Sitiawan, as has been alleged by the Honourable Member for Ipoh, had used some other language than the official language of the House, you would have pulled him up. So, I hope there will be no more argument over that.

Now, Sir, the Honourable Member for Rawang told us of the threat to this country of synthetic rubber. As far as I can see, the threat comes from two directions. No doubt one comes from synthetic rubber, but the bigger threat comes from synthetic socialists *(Laughter)*, such as the Honourable Member for Rawang and his gang *(Laughter)*. The whole trouble about synthetic socialists is that they cannot see anything big; whenever they see anything big, they think of nationalisation. Well, even if they see a big red car,

they want to nationalise it. (*Laughter*). As far as the Alliance is concerned, you are free to have any car, of any size and kind, provided you can afford it and provided you do not steal the money from other people. That is the Alliance policy and I am sure that that policy is endorsed by members of the Peoples' Progressive Party. (*Laughter*).

The Honourable Member for Rawang wanted to sack me, though he did not say so in so many words, but all my colleagues on the Alliance Bench seem to have confidence in me and also in my colleague, the Assistant Minister. Although much as we would like to comply with his request, I think, we would like to remain here so long as we are wanted by our colleagues on this side. (*Applause*). He and his colleague, the Honourable Member for Damansara—I do not know what words he used—lashed out strongly, but anybody who has got any brain at all can see what we in the Alliance have done. We do not judge success or otherwise of any project by the speeches made in Parliament or outside Parliament, but we judge it by the results produced. Now, has the Alliance produced any results or not? You can see the factories that are coming up every day and the number of workers employed too. People who never knew how to handle a nut before are now making all sorts of new machines (*Laughter*), and they are now experts in handling nuts, in handling screws, because of the industrialisation policy of the Alliance Government. Now, do you want us to stop suddenly and invite Russians to come in? The Honourable Member for Damansara said that Burma, Ceylon and India, in order to get cheaper petrol, invited foreign capital from Russia. If it is capital coming from Russia it is not foreign, but if it is from America, the United Kingdom, or Germany, it is foreign. That is a language, we do not understand and he, in fact, should have been pulled up by the Speaker just now.

Mr. Speaker: You should not make that remark.

Enche' Mohamed Khir Johari: I am sorry, Sir.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, on a point of clarification

Mr. Speaker: Do you give way?

Enche' Mohamed Khir Johari: I do not wish to give way.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, the Honourable Minister in his reply to me

Mr. Speaker: He does not wish to give way. If it is a point of order, I can ask him to sit down, but not on a point of clarification. Proceed!

Enche' Mohamed Khir Johari: I think that is all I have got to say, Sir.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, on a point of explanation, I think that the Honourable Minister in his reply to me distorted his facts. I did not say invite Russian capital. I just said let oil come into our country from all parts of the world, so that we can get cheaper oil and not let our market be subject to control by monopolies—Caltex, Mobilgas and Shell. That is what I said.

Question put, and agreed to.

The sum of \$3,003,485 for Head 15 ordered to stand part of the Schedule.

Heads 16 and 17—

The Deputy Prime Minister and Minister of Defence: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, mengikut atoran yang telah di-perbuat pada masa yang lalu supaya dapat saya membentangkan semua sakali kepala² dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan ini ia-itu kepala 16 dan 17. Bagaimana Ahli² Yang Berhormat telah mengetahui bahawa kepala Anggaran Perbelanjaan sekarang ini meliputi hanya-lah perkara pertahanan sahaja yang berthabit dengan Anggota Tentera.

Ada pun Keselamatan Dalam Negeri dan Pasokan Polis di-Raja Persekutuan sekarang ini sudah di-masokkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Di-sini saya suka mengambil kesempatan untuk melafadzkan perasaan besar hati saya terhadap Pasokan Polis di-Raja

yang telah berkhidmat dalam Kementerian saya dahulu semenjak merdeka dan selama 3 tahun yang lepas sa-belum tamat-nya dharurat. Mereka telah berkhidmat dengan chemerlang-nya dalam tempoh itu dan saya yakin mereka itu akan terus berkhidmat dengan ta'at setia-nya kepada negara kita ini dalam Kementerian yang baharu di-bawah pimpinan rakan saya Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1961 ada-lah tahun yang bersejarah dalam tawarikh Angkatan Tentera. Sa-telah tamat-nya dharurat maka tamat-lah perjuangan Anggota Tentera yang telah berjuang lebeh daripada 12 tahun lama-nya itu. Sa-sungguh-nya kapada mereka itu Negara kita ini sangat terhutang budi di-atas perkhidmatan mereka yang sangat berani dan perkasa dalam sa-genap masa kechemasan Negara kita ini. Maka sekarang ini pun ada empat battalion lagi yang maseh bertenaga untuk keselamatan kawasan sempadan negeri kita di-sabelah utara untuk memper-tahankan pergerakan C o m m u n i s t dalam kawasan itu.

Kebanyakan Tentera Darat kita sekarang ini dapat-lah menggunakan masa dan tenaga mereka dalam usaha² pekerjaan² yang di-katakan pekerjaan² masa yang aman dan juga dapat meninggikan mutu latehan dan pentadbiran-nya. Di-dalam tahun ini juga sa-telah kita menyaksikan bagaimana Angkatan Tentera kita yang telah menjalankan tugas mereka dalam serba-serbi di-dalam kawat tata-tertib dan sikap yang telah menarek perhatian sesiapa juga yang melihat-nya—terutama sa-kali dalam masa kemangkatan Al-Marhum Kedua² Duli² Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang sangat menyedihkan kita semua itu.

Ini-lah kali yang pertama-nya satu pasokan dari askar kita telah dihantar ka-Congo, maka kita berasa megah yang Pasokan Khas ini ada menjalankan tugas-nya dengan sa-elok² adab dan tertib sa-hingga mereka telah mendapat kepujian bukan sahaja daripada Pentadbiran Bangsa² Bersatu

dan juga Pasokan² Bangsa² Bersatu yang berkhidmat dengan-nya, bahkan daripada ra'ayat Congo juga. Kita juga berasa bangga baharu² ini membacha dalam akhbar bahawa Ketua Agong Pasokan Bangsa² Bersatu telah memberi kepujian yang tinggi kapada mereka itu. (Tepok). Kewajipan mereka di-Congo ia-lah menolong negeri Congo yang dalam kemalangan itu supaya dapat aman semula dengan sa-berapa segeranya.

Dalam tahun ini juga Tentera Laut di-Raja Persekutuan telah menerima bantuan yang akhir sa-kali daripada Kerajaan British yang berupa sa-buah kapal jenis "Coastal Inshore Minesweeper" yang berat-nya 350 ton. Selain daripada menjalankan tugas-nya di-lautan negeri ini saperti biasa, kapal² Tentera Laut di-Raja kita telah pun dapat menunjukkan bendera Persekutuan di-tempat² lain negeri: di-Bangkok, Manila, R a n g o o n dan tempat² yang di-lateh itu.

Bagi pehak Angkatan Udara di-Raja tahun ini ada-lah satu tahun yang bersejarah. Mereka telah mengambil kuasa Pengkalan Tentera Udara di-Raja di-Kuala Lumpur (RAF Station) daripada Tentera Udara British dan semenjak bulan April tahun ini Tentera Udara kita telah mengambil bahagian-nya di-dalam tindakan di-kawasan sempadan dengan bertanggung jawab penoh atas menyampaikan perbekalan udara di-mana² tempat kawasan² sempadan atau pun jungle forts.

Anggota Tentera Tempatan atau Territorial Army pun telah bertambah² besar dalam tahun ini dan latehan² mereka pun telah di-kembangkan. Enam Battalion telah di-besarkan (full strength). Enam Belas Battalion lagi telah di-tambah dan Enam Belas Battalion ini akan di-penohi bilangannya dalam tahun 1961. Lapan Battalion lagi harus akan di-tubuhkan pada tahun hadapan supaya Tentera Tempatan berjumlah akhir-nya Tiga Puloh Battalion dengan mengandongi 350 ahli tiap² battalion. Di-dalam tahun 1961 tidak di-chadangkan mengubah Pasokan² Sukarela baik pun

di-dalam Tentera Laut di-Raja Persekutuan atau pun Pasokan Latehan Udara (Air Training Corps).

Ahli² Yang Berhormat tentu suka mendengar Ahli² Sukarela ini nampak-nya sangat gemar bersungguh² kepada Pasokan Sukarela ini dan saya perchaya ia-itu Angkatan Tentera Tempatan dan Pasokan² Sukarela yang lain termasuk Pasokan Latehan Udara (Air Training Corps) akan mengambil bahagian yang besar pada suatu masa yang akan datang untuk menggalakkan semangat perjuangan sukarela dan tata-tertib bagi pemuda² kita seluruh negeri ini.

Dalam tahun ini juga, Majlis Meshuarat Angkatan Tentera telah berusaha bersungguh² untuk memperelokkan syarat² dan keadaan perkhidmatan bagi segala peringkat Angkatan Tentera dan untuk mengatorkan harapan perjawatan (reasonable career prospects) bagi semua pegawai² tentera. Perkhidmatan ashkar lain² pangkat telah pun di-lanjutkan tempoh-nya daripada tujoh tahun hingga sepuluh tahun. Bagi pegawai² yang kanan yang tiada bertauliah (Senior NCO's) mereka dapat melanjutkan lagi perkhidmatan mereka itu jika berkehendakkan. Untok ashkar² yang terpaksa berhenti berkhidmat selepas sepuluh tahun, mereka akan di-beri pertolongan supaya mengambil bahagian dalam pekerjaan awam. Maka ini-lah maksud saya yang sa-benar-nya supaya kebanyakan daripada mereka yang di-berhentikan daripada perkhidmatan itu akan dapat mengambil bahagian dalam Ranchangan Kemajuan Tanah Kerajaan. Di-dalam Ranchangan Kemajuan Tanah ia-lah sa-banyak 15% telah di-khaskan daripada Ranchangan Negeri dan 20% daripada Ranchangan Federal di-untokkan bagi faedah ashkar² yang lepas berkhidmat.

Di-dalam sedikit masa lagi saya akan dapat mengistiharkan bayaran sara (pension rates) yang baharu untuk perkhidmatan di-dalam Angkatan Bersenjata. Sa-bagai Ahli² Yang Berhormat sudah ma'alum ada-lah gaji dan sara hidup perkhidmatan awam dan Angkatan Bersenjata telah dinaikan di-dalam masa sepuluh tahun yang lepas. Ada-lah bayaran sara (pension rates) bagi Angkatan Bersenjata, sebalek-nya tiada berubah semenjak tahun 1952. Maka perkara ini di-chadangkan akan di-perbaiki mulai daripada 1 haribulan January, 1960, and pada 'am-nya pegawai² akan di-naikkan sara mereka di-antara 12½ dan 20 peratus dan bagi ashkar lain² (pangkat) lebeh kurang 40%.

Maka berbagai² soalan telah diadakan di-dalam Dewan ini dan juga banyak perbahathan di-atas perkara Malayanisation di-dalam Angkatan Bersenjata, oleh yang demikian saya fikir ta' payah-lah saya berpanjang lebar di-atas perkara ini, memada'i-lah saya berkata ia-itu dasar Kerajaan di-atas Malayanisation sedang berjalan mengikut ranchangan yang tertentu dan pada 1 haribulan January tahun 1961 bilangan Pegawai² Warga Negara Tanah Melayu ia-lah berjumlah 490 orang dan pegawai² dagang (seconded officers) sa-banyak 210 orang pada hal pada 1 haribulan January, 1960, bilangan Pagawai² Warga Negara Tanah Melayu ia-lah 427 orang dan pegawai² dagang 252 orang. Kemajuan Malayanisation yang laju ini akan di-chepatkan lagi dengan chara menambah pelateh² di-Cadet Wing, Federation Military College di-dalam tahun 1961.

Mr. Speaker: Order! Order! The time is up. The House is adjourned.

Adjourned at 4.30 o'clock p.m.